



DR. 12 TAHUN 2021
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA (KPM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC
PARLIMEN (DR7/2020) BERHUBUNG**

SEKOLAH SUKAN MALAYSIA PERLIS (SSM)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
2. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Naib Pengerusi*
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
5. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
6. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
7. YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]
8. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
11. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
12. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
13. YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
14. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
15. YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat*

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Unit Perancang Ekonomi (EPU)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA (KPM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC
PARLIMEN (DR7/2020)**

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|---|-------------------|
| 1 | LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG SEKOLAH SUKAN MALAYSIA (SSM) | 1 - 3 |
| 2 | TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG SEKOLAH SUKAN MALAYSIA PERLIS (SSM) (DR12/2021) | 4 - 14 |

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
SEKOLAH SUKAN MALAYSIA
PERLIS (SSM)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 7/2020)
BERHUBUNG**

**PENGURUSAN PROJEK SEKOLAH SUKAN MALAYSIA (SSM) PERLIS
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77(1)(c) dan 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan mengenai Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 8 dan 11 November 2019 iaitu dalam prosiding bilangan 35/2019, 43/2019 dan 44/2019.

- 1.2 Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1 Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.
- 1.3 Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam pengurusan projek SSM Perlis iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KPM, mantan KSU KPM, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) Kementerian Kewangan (MOF) dan mantan KSP MOF untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.
- 1.4 Pada 5 November 2020 Jawatankuasa ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Dewan Rakyat.
- 1.5 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan enam (6) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF/KPM.
- 1.6 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil MOF/KPM selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat :
 - i. Kuasa Menteri Kewangan haruslah digunakan secara berhemah memandangkan tindakan yang diambil oleh Menteri Kewangan dalam kes ini, bertentangan dengan keputusan Bahagian Perolehan Kerajaan MOF.
 - ii. MOF perlu melaksanakan *due diligence* yang dilengkapi dengan justifikasi bertulis sebelum syarikat-syarikat dicadangkan oleh MOF kepada pihak Kementerian bagi mengurangkan risiko kegagalan projek.

- iii. Amalan perolehan sedia ada yang memberikan ruang kepada mana-mana kontraktor atau syarikat mencadangkan nama-nama syarikat lain bagi tujuan tender terhad harus dipertimbangkan secara *case by case basis*.
- iv. Kementerian hendaklah memaklumkan semula secara bertulis kepada MOF sekiranya syarikat yang dinilai tidak memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.
- v. KPM tidak boleh mengulangi kegagalan memantau pelaksanaan projek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah tanggungjawab Kementerian.
- vi. KPM hendaklah memastikan projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis ini disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

1.7 Sehubungan dengan itu, MOF bersama-sama dengan KPM telah memberikan maklum balas berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KPM ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 7/2020 di hadapan PAC Parlimen pada 23 September 2021.

2. PENDAHULUAN

2.1 Pengurusan Projek SSM Perlis oleh KPM adalah sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1 Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.

2.2 Prosiding PAC yang telah diadakan adalah seperti berikut:

| BIL. | TARIKH / MASA | RUJUKAN PROSIDING | SAKSI |
|------|--------------------------------|-------------------|---|
| 1. | 8 Oktober 2019 / 11.00 pagi | Bil. 35/2019 | YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas [Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)] |
| 2. | 11 November 2019 / 11.00 pagi | Bil.43/2019 | i. YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas [Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)] ii. YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Binti Mohamad [Mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)] |
| 3. | 11 November 2019 / 3.00 petang | Bil.44/2019 | i. YBhg. Dato' Othman Bin Semail [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)] ii. YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah [Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)] |

2.3 Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dibentangkan di Dewan Rakyat PAC pada 5 November 2020. Surat PAC bertarikh 24 November 2020 [rujukan PAR/PAC 3 25 15 48] telah mengemukakan rumusan dan syor-syor berhubung Laporan PAC Parlimen DR. 7/2020 dan berkehendakkan tindakan susulan dari MOF/KPM.

2.4 KPM mengemukakan Laporan Interim Maklum balas Secara Bertulis kepada Sekretariat PAC pada 29 Disember 2020. Manakala MOF melalui surat rujukan MOF BKSK(R) 600 7 1 3 JLD 4 12 bertarikh 19 Ogos 2021 telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KPM ke Atas Syor-syor Laporan PAC Parlimen DR. 7/2020.

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA (KPM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN DR12/2021**

3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1. Syor 1: Kuasa Kementerian Kewangan haruslah digunakan secara berhemah memandangkan tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan dalam kes ini, bertentangan dengan keputusan Bahagian Perolehan Kerajaan MOF.**

Maklum Balas MOF

- 3.1.1 Seksyen 6 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 “Pengelolaan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan penyeliaan, pengawalan dan arahan semua perkara berhubung dengan hal ehwal kewangan Persekutuan, yang tidak diserahkan hak khususnya kepada sesiapa oleh sebarang undang-undang lain hendaklah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta ini, diletak hak pada Menteri” Selaras dengan itu, Bahagian Perolehan Kerajaan MOF bertindak sebagai penasihat kepada YB Menteri Kewangan dan segala keputusan masih tertakluk kepada YB Menteri Kewangan berdasarkan kuasa tersebut.
- 3.1.2 Selaras kuasa tersebut juga, YB Menteri Kewangan telah menubuhkan Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (JPMK) di peringkat MOF yang secara umumnya bertanggungjawab membantu YB Menteri Kewangan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dalam menimbang dan memutuskan perkara-perkara berkaitan perolehan Kerajaan termasuk rundingan terus berdasarkan kuasa beliau di bawah Seksyen 6 (1) Akta 61 serta meningkatkan lagi tadbir urus, ketelusan dan integriti dalam perolehan Kerajaan.

Ulasan PAC

PAC memahami bahawa kuasa yang diberikan kepada Menteri Kewangan ialah merupakan kuasa yang diperuntukkan di bawah suatu akta ataupun undang-

undang. Bagaimanapun dalam isu ini, PAC berpandangan bahawa pihak MOF boleh mengutarakan keprihatinan PAC kepada Menteri Kewangan bahawa keputusan ataupun kuasa yang dilaksanakan oleh Menteri Kewangan dalam kes ini pada ketika itu adalah tidak tepat dan tidak memastikan kepentingan kewangan negara serta kepentingan rakyat dijaga. Ini adalah bagi memastikan pada masa-masa yang mendatang kuasa Menteri kewangan ataupun menteri-menteri lain digunakan dengan lebih berhemat dan kepentingan negara serta rakyat sentiasa diutamakan.

- 3.2. **Syor 2: MOF perlu melaksanakan *due diligence* yang dilengkapi dengan justifikasi bertulis sebelum syarikat-syarikat dicadangkan oleh MOF kepada pihak Kementerian bagi mengurangkan risiko kegagalan projek.**

Maklum Balas MOF

MOF telah melaksanakan semakan asas ke atas profil syarikat-syarikat tersebut sebagai *due diligence* walaupun permohonan ini pada awalnya disyorkan untuk ditolak. Pelaksanaan justifikasi bertulis kepada Kementerian (Agensi Pelaksana) akan dibuat secara *case by case basis* sekiranya perlu.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil oleh MOF.

- 3.3 Syor 3: Amalan perolehan sedia ada yang memberikan ruang kepada mana-mana kontraktor atau syarikat mencadangkan nama-nama syarikat lain bagi tujuan tender-tender harus dipertimbangkan secara *case by case basis*.**

Maklum Balas MOF

Pelaksanaan kaedah perolehan secara tender terhad telah dimansuhkan dan digantikan dengan perolehan secara tender terbuka pra kelayakan berdasarkan surat MOF bertarikh 29 Jun 2018.

Ulasan PAC

PAC berpuas hati dengan maklum balas dan tindakan yang telah diambil oleh MOF. MOF perlu memastikan kriteria perolehan Kerajaan berdasarkan sistem tender terbuka pra kelayakan sentiasa dipatuhi.

- 3.4 Syor 4: Kementerian hendaklah memaklumkan semula secara bertulis kepada MOF sekiranya syarikat yang dinilai tidak memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.**

Maklum Balas KPM

- 3.4.1 Mengambil maklum dan memastikan maklumat syarikat yang tidak memenuhi kriteria dikemukakan kepada MOF bagi projek-projek akan datang.
- 3.4.2 Melantik kontraktor penyiap berdasarkan lapan (8) kriteria pra kelayakan yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan (Kerja) KPM Bilangan 12/2019 pada 17 Oktober 2020 seperti berikut:

- i. Berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dalam Gred G 7;
- ii. Kategori *Building* (B) dan *Civil Engineering* (CE) pengkhususan B 04 (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan) dan CE 21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam);
- iii. Penarafan sekurang-kurangnya empat (4) bintang CIDB dalam Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) seperti syor JKTN pada 1 Ogos 2019;
- iv. Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR);
- v. Keupayaan Kewangan yang baik seperti berikut:
 - a. *Nett worth* : melebihi 20 daripada Nilai Tahunan Baki Kerja (NTBK) atau;
 - b. Modal pusingan : melebihi 10 daripada NTBK atau;
 - c. Modal Mudah Cair : minimum RM 1.5 juta.
- vi. Keupayaan teknikal dengan pengalaman menjayakan projek-projek pembinaan yang serupa dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
- vii. Kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang sakit dan tiada rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan serta kualiti kerja dalam tempoh lima (5) tahun adalah memuaskan; dan
- viii. Tidak disenaraihitamkan oleh CIDB atau MOF.

Ulasan PAC

Bagi isu ini, PAC berpandangan bahawa semua *shareholder* ataupun *director* yang memiliki syarikat hendaklah membuat pengisytiharan berkaitan dengan *Beneficial Ownership* (BO). PAC juga mencadangkan selain daripada syarikat, MOF juga hendaklah menyenaraihitamkan *shareholder* atau *director* syarikat yang bermasalah.

3.5 Syor 5: KPM tidak boleh mengulangi kegagalan memantau pelaksanaan projek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah tanggungjawab Kementerian.

Maklum Balas KPM

3.5.1 Melantik dan mendapatkan khidmat nasihat daripada perunding sebagai wakil pakar berkaitan bidang teknikal dan lain-lain.

3.5.2 Jawatankuasa Pemantauan Khas Projek SSM Perlis ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).

**CARTA ORGANISASI
 JAWATANKUASA PEMANTAUAN KHAS
 PROJEK SEKOLAH SUKAN MALAYSIA PERLIS**



- TERM OF REFERENCE (TOR) JAWATANKUASA**
- ✓ Bertanggungjawab dalam hal pengurusan projek yang tidak melibatkan kontraktual.
 - ✓ Menyelaras dengan pemegang taruh di Kementerian dan Negeri Perlis.
 - ✓ Menyelaras hal-hal berkaitan perancangan sumber manusia, *enrollment* murid dan penempatan guru.
 - ✓ Mengadakan lawatan rasmi dan pemantauan secara berkala ke tapak projek.
 - ✓ Bermesyuarat di kalangan Ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya sekali setiap bulan atau mengikut keperluan.

Melibatkan pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Perlis semasa melaksanakan pemantauan projek

Sumber : KPM

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang telah diambil oleh KPM.

3.6 Syor 6: KPM hendaklah memastikan projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis ini disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Maklum Balas KPM

3.6.1 KPM telah melantik kontraktor penyiap yang dipertimbangkan melalui proses saringan tender terbuka pra kelayakan iaitu:

| | | |
|--------------------|---|--|
| Kontraktor | : | Zikay Construction Sdn Bhd |
| Tarikh SST | : | 22 Disember 2020 |
| Tarikh Milik Tapak | : | 5 Januari 2021 |
| Tarikh Siap Kerja | : | 3 Januari 2023 |
| EOT 1 | : | 28 hari (PKP 3.0 - <i>Total lockdown</i>) |
| Tarikh Siap Semasa | : | 31 Januari 2023 |
| Harga Kontrak | : | RM 41 950 000 00 |
| Tempoh Kontrak | : | 104 minggu |
| Gred | : | Kontraktor G 7 |
| SCORE CIDB | : | 4 ☆☆☆ |

3.6.2 Melaksanakan pemantauan yang lebih kerap semasa awal pelantikan kontraktor seperti di bawah:

| Bilangan | Mesyuarat Tarikh | Outcome |
|---------------------------------|---------------------|---|
| Mesyuarat Pemantauan Bil.1/2021 | 11 Februari 2021 | i. Menyelesaikan isu-isu berbangkit berkaitan komunikasi awal di antara kontraktor dan perunding yang dilantik. |
| Mesyuarat Pemantauan Bil.2/2021 | 19 Februari 2021 | |
| Mesyuarat Pemantauan Bil.3/2021 | 26 Februari 2021 | |

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 7/2020) BERHUBUNG
PENGURUSAN PROJEK SEKOLAH SUKAN MALAYSIA (SSM) PERLIS
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

| | | |
|---------------------------------|------------------|---|
| Mesyuarat Pemantauan Bil.4/2021 | 12 & 13 Mac 2021 | ii. Memberikan pendedahan awal kepada kontraktor berkaitan keperluan memastikan projek ini disiapkan mengikut tempoh atau lebih awal dengan kualiti yang terbaik. |
| Mesyuarat Pemantauan Bil.5/2021 | 19 Mac 2021 | |
| Mesyuarat Pemantauan Bil.6/2021 | 26 Mac 2021 | |
| Mesyuarat Pemantauan Bil.7/2021 | 19 April 2021 | |

Sumber : KPM

3.6.3 Kehadiran dan lawatan tapak oleh Pegawai Penguasa, Pengurus Projek atau wakilnya ke tapak secara bulanan. Pelaksanaan lawatan ini akan disusuli dengan mesyuarat di tapak.

| Mesyuarat | Tarikh | Outcome |
|-----------------------|-------------------|--|
| Mesyuarat Tapak No.1 | 6 Februari 2021 | Membincangkan dan memutuskan penyelesaian isu isu teknikal dan pengurusan projek seperti : i. Work Program ii. Kerja kerja Rektifikasi iii. Isu berbangkit dari setiap disiplin perunding (Sivil & Struktur, Arkitek, Mekanikal, Elektrikal dan Ukur Bahan) |
| Mesyuarat Tapak No. 2 | 7 Mac 2021 | |
| Mesyuarat Tapak No. 3 | 5 April 2021 | |
| Mesyuarat Tapak No. 4 | 3 Mei 2021 | |
| Mesyuarat Tapak No. 5 | 3 Jun 2021 | |
| Mesyuarat Tapak No. 6 | 15 Julai 2021 | |
| Mesyuarat Tapak No. 7 | 17 Ogos 2021 | |
| Mesyuarat Tapak No. 8 | 11 September 2021 | |

Sumber : KPM

3.6.3 Menyelesaikan isu berbangkit terutama perkara-perkara yang melibatkan urusan dan pertimbangan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan utiliti.

3.6.4 Mesyuarat dan lawatan tapak oleh Jawatankuasa Pemantauan Khas.

| Perkara | Tarikh |
|--|-------------|
| Lawatan Tapak JK Pemantauan Khas Bil 1 | 8 Mac 2021 |
| Mesyuarat JK Pemantauan Khas Bil 1 | 18 Mac 2021 |
| Lawatan Tapak JK Pemantauan Khas Bil 2 | 3 Mei 2021 |

Sumber : KPM

3.6.5 Dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, KPM turut mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit terutamanya perkara-perkara yang melibatkan urusan dan pertimbangan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan utiliti. Sehingga awal Jun 2021, pembinaan di tapak berjalan lancar dengan pemantauan rapi oleh perunding dan KPM.


Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang telah diambil oleh KPM dan menyarankan supaya KPM menjalankan proses pemantauan yang rapi sehingga projek disiapkan.

4. KEMAJUAN PROJEK TERKINI

Prestasi Kemajuan (kontrak semasa) sehingga 31 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Prestasi Kemajuan (Kontrak Semasa) Sehingga 31 Ogos 2021



Sumber : KPM

| Jadual | Sebenar |
|---------------------------------|---------|
| 11 % | 9 % |
| Kelewatan sebanyak 2 %/ 11 hari | |

Sumber : KPM

Terdapat kelewatan sebanyak dua (2) peratus atau bersamaan 11 hari, namun ia adalah di luar kawalan kontraktor penyiap. Sebab-sebab berlakunya kelewatan adalah seperti di bawah.

| Isu | Intervensi KPM |
|--|---|
| Tidak Dapat Beroperasi Dalam Tempoh PKP | i. Kelulusan EOT PKP (28 hari); ii. EOT Mobilisasi; dan iii. Sokongan Permohonan oleh KPM Untuk Kelulusan MITI Bagi Masuk Ke Tapak 8 Mac 2021 |
| Kesukaran Memperolehi Bekalan Bahan Pembinaan Dalam Tempoh PKP | |
| Kuota Pekerja di Tapak Semasa PPN Berfasa | |

Sumber : KPM

Bagi mengatasi isu tersebut, KPM telah meluluskan *Extension of Time* (EOT) *total lockdown* sebanyak 28 hari sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan. Pertimbangan untuk memberikan EOT mobilisasi adalah berdasarkan kepada permohonan daripada kontraktor.

Ulasan PAC

Bagi isu ini, PAC menyarankan kepada KPM, pada masa-masa mendatang sekiranya ada permohonan bagi EOT maka Jawatankuasa EOT hendaklah membuat keputusan pertimbangan bagi EOT dengan lebih teliti.

5. HALA TUJU PROJEK

KPM sangat komited untuk memastikan projek ini disiapkan pada masa yang ditetapkan atau lebih awal. Sehubungan itu, antara inisiatif yang akan terus dimantapkan ialah seperti berikut:

- i. Meneruskan libat urus dengan pihak PBT;
- ii. Melibatkan kehadiran pegawai PBT dan syarikat utiliti ke Mesyuarat/ Lawatan Tapak;
- iii. Meneruskan pemantauan rapi menerusi mesyuarat tapak;
- iv. Membantu kontraktor dalam menangani situasi semasa dan selepas pandemik Covid-19;
- v. Memastikan Pematuhan SOP Sektor Pembinaan yang berterusan;
- vi. Berkomunikasi secara berterusan dengan kontraktor terutama penyampaian berkaitan perubahan dasar oleh Kerajaan; dan
- vii. Memberikan kerjasama kepada Jabatan Audit Negara dalam meneruskan audit projek.

6. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOF/KPM selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14

LAPORAN PROSIDING

- ❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Khamis, 23 November 2019**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 23 September 2021

MESYUARAT

JAWATANKUASA

KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:

SEKOLAH SUKAN MALAYSIA PERLIS

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies, Timbalan Ketua Setiausaha
Perbendaharaan (Pengurusan)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha

**PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 23 SEPTEMBER 2021**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Seksyen Jawatankuasa Pilihan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Nurul Nadiha binti Zamani [Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Raftah binti Ibrahim [Pegawai Sektor Audit Prestasi (Audit Prestasi II)]

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan (MOF)**

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Puan Azreen binti Taib [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Kawalan dan Pemantauan)
(Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi), Perbendaharaan Malaysia]

Jabatan Peguam Negara

Encik Yang Zaimy bin Yang Ghazali [Peguam Kanan Persekutuan & Bahagian Penasihat]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Cik Nor Faemah binti Ismail [Pegawai Siasatan]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Che Rahim bin Daud [Timbalan Pengarah Pendidikan (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

SAKSI**Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Masyati binti Abang Ibrahim [Setiausaha Bahagian (Pembangunan)]

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)]

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)]

Tuan Wong Kon Ping [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Menengah)(Pembangunan)]

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan Kerajaan)
Kementerian Kewangan]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Khamis, 23 September 2021****Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.02 pagi***[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Ke-14, ex-officio PAC yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Malaysia, dan Unit Perancang Ekonomi. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat ini, dan pagi ini, Jawatankuasa ini akan mendengar penjelasan daripada KPM berhubung tindakan yang diambil terhadap syor Laporan PAC Terhadap Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 5 November 2020. Isu ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 1 dan PAC telah menjalankan tiga prosiding iaitu pada 8 Oktober 2019 dan dua prosiding lagi pada 11 Oktober 2019 bagi meneliti dan mendapatkan keterangan serta penjelasan daripada KPM mengenai apa yang sebenarnya terjadi sehingga sekolah sukan ini gagal disiapkan.

Empat saksi dipanggil untuk memberi penjelasan, iaitu Ketua Setiausaha KPM ketika itu Datuk Dr. Mohd Ghazali Abas, mantan KSU KPM, Tan Sri Madinah Mohamad, serta Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada ketika itu Dato' Othman bin Semail, serta mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Irwan Serigar Abdullah. Selepas PAC membentangkan laporannya, Jawatankuasa ini menggunakan punca kuasa di bawah Arahan Perbendaharaan 304(b) yang menyatakan, *I quote:*

"Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah menghantar kepada Jawatankuasa Akaun Awam (PAC) suatu memorandum muktamad mengenai perkara yang disebut dalam laporan Jawatankuasa ini".

Jawatankuasa ini juga menggunakan punca kuasa 83(2) Peraturan Majlis Mesyuarat iaitu;

"...boleh memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan mengeluarkan penyata kepada Majlis yang mengandungi fikiran dan

pandangannya serta dengan butir-butir keterangan yang telah diberi di hadapan untuk mengadakan mesyuarat tindakan susulan ini.”

PAC berpendapat, kehadiran KSU adalah amat penting dalam mesyuarat ini, dan atas sebab itu, Jawatankuasa ini menggunakan punca kuasa di bawah Seksyen 3 Perkara 11(b) Pekeliling Am No. 2 1982 yang menggariskan tugas dan tanggungjawab KSU setiap kementerian yang menyatakan; di samping bertanggungjawab sepenuhnya dan penasihat utama kepada Menteri, KSU juga bertanggungjawab kepada PAC dalam hal mengawal perbelanjaan dan menyimpan akaun yang sesuai bagi tugas yang dijalankan oleh mereka.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, melalui semua punca kuasa yang ada pada PAC Parlimen pada hari ini, hadir di hadapan Jawatankuasa adalah Yang Berbahagia Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof, KSU KPM. Bersamanya Yang Berusaha Encik Noor Azman bin Abdul Rahman, TKSU Perancangan dan Pembangunan KPM, serta Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies, TKSU Pengurusan Kementerian Kewangan yang mewakili Datuk Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Saya juga dimaklumkan oleh pihak sekretariat PAC bahawa KPM sudah menghantar laporan interim berhubung dengan isu ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian atas kerjasama kepada PAC. Sememangnya Yang Berbahagia Datuk Yusran sudah biasa hadir di hadapan sini – sudah hadir pada hari Isnin untuk isu telaga tiub dan seingat saya sudah tiga kali Datuk hadir di hadapan PAC termasuk memberikan penjelasan dalam isu 1BestariNet. Terima kasih saya ucapkan kepada Datuk atas kerjasama yang diberikan kepada Jawatankuasa ini. Maka tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datuk KSU untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Datuk.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen. Saya rasa saya tidak akan buat *introduction* kepada Ahli-ahli. Tadi Tuan Pengerusi telah pun sebutkan Ahli-ahli yang hadir pada hari ini untuk membantu saya dalam pembentangan. Oleh itu, saya mohon izin kalau boleh saya teruskan dengan pembentangan.

Tuan Pengerusi: Ya silakan Datuk.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Pembentangan diteruskan akan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) berkaitan dengan tujuan pembentangan
- (ii) latar belakang pembentangan;

- (iii) pembentangan maklum balas bagi enam syor yang telah diberikan oleh PAC Parlimen
- (iv) tindakan-tindakan susulan ke hadapan (*way forward*) akan dilaksanakan oleh KPM berhubung pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis (SSM Perlis) dan;
- (v) akan diakhiri dengan penutup pembentangan.

Seperti yang disebutkan tadi, pembentangan hari ini adalah bertujuan memaklumkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah diambil oleh KPM dan Kementerian Kewangan Malaysia ke atas syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) bagi Prosiding DR7/2020 berkaitan pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis.

Tadi Tuan Pengerusi ada menyebut serba sedikit tentang latar belakang di mana beberapa sesi telah diadakan dengan KPM untuk pembentangan di PAC. Jadi, kalau saya mohon kita boleh *skip* yang ini dan saya akan teruskan kepada rumusan PAC pada 5 November 2020. Berdasarkan kepada pembentangan PAC di Dewan Rakyat pada 5 November 2020, PAC Parlimen telah merumuskan dan mendapati sebanyak enam perkara seperti berikut:

- (i) cadangan senarai syarikat oleh Bumi Jelapang Sdn. Bhd (BJSB) telah ditolak oleh MOF pada asalnya. Namun diberikan kelulusan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan selepas rayuan.
- (ii) PAC mendapati tiada bukti *due diligence* oleh MOF bagi syarikat yang dikemukakan oleh BJSB;
- (iii) amalan perolehan yang membolehkan MOF mengemukakan tujuh syarikat yang dicadangkan oleh satu syarikat yang sama membuka ruang kepada pilihan kontraktor yang tidak berkelayakan;
- (iv) dapatan PAC juga ialah KPM tidak melaporkan semula kepada MOF walaupun Jawatankuasa Penilaian KPM mendapati kesemua syarikat yang dikemukakan oleh MOF tidak memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan;
- (v) KPM gagal melaksanakan pemantauan sewajarnya terhadap kontraktor, sebaliknya meletakkan tanggungjawab kepada syarikat perunding projek dan;

- (vi) MOF tidak mendapatkan pandangan perundangan dari pegawai undang-undang atau AGC bagi isu penamatan kontrak. Sebaliknya MOF hanya berdasarkan pengalaman pegawai-pegawai yang terlibat sekali gus menyebabkan kontraktor sama dilantik sebagai kontraktor penyiap.

Itu adalah enam perkara rumusan yang dibuat oleh PAC pada 5 November 2020.

Seterusnya adalah berkaitan dengan syor oleh Jawatankuasa PAC. Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen telah mengesyorkan sebanyak enam perkara. Bagi syor 1 hingga 3 memerlukan maklum balas daripada MOF. Manakala syor 4 hingga 6 memerlukan maklum balas daripada KPM sebagaimana yang dipaparkan di skrin yang akan dibentangkan satu persatu sebentar lagi.

Kalau kita tengok di skrin: *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

- (i) berkaitan dengan kuasa Kementerian Kewangan haruslah digunakan secara berhemah memandangkan tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan dalam kes ini, bertentangan dengan keputusan Bahagian Perolehan Kerajaan MOF;
- (ii) MOF perlu melaksanakan *due diligence* yang dilengkapi dengan justifikasi bertulis sebelum syarikat-syarikat dicadangkan oleh MOF kepada pihak kementerian bagi mengurangkan risiko kegagalan projek;
- (iii) amalan perolehan sedia ada yang memberikan ruang kepada mana-mana kontraktor atau syarikat mencadangkan nama-nama syarikat lain bagi tujuan tender, harus dipertimbangkan secara *case by case basis*;
- (iv) kementerian hendaklah memaklumkan semula secara bertulis kepada MOF sekiranya syarikat yang dinilai tidak memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan;
- (v) KPM tidak boleh mengulangi kegagalan memantau pelaksanaan projek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah tanggungjawab kementerian; dan
- (vi) KPM hendaklah memastikan projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis ini disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Ini adalah enam syor yang dikemukakan oleh PAC.

Seterusnya saya menjemput Yang Berbahagia Datin Rosni, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan untuk membentangkan maklum balas bagi syor 1, 2 dan 3.

Tuan Pengerusi: Ya sila.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan Kerajaan) Kementerian Kewangan]: Terima kasih Yang Berbahagia Datuk KSU. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi kepada Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Mesyuarat yang hadir pada pagi ini. Berdasarkan kepada syor PAC di bawah Kementerian Kewangan seperti mana yang dimaklumkan oleh Datuk KSU sebentar tadi, ada tiga syor.

Pertama adalah mengenai kuasa Kementerian Kewangan haruslah digunakan secara berhemah memandangkan tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan dalam kes ini bertentangan dengan keputusan Bahagian Perolehan Kerajaan MOF. Okey untuk makluman semua, Sekolah Sukan Perlis ini, Kementerian Kewangan telah pun mengangkat semua urusan yang melibatkan permohonan perolehan kerajaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sebelum keputusan diluluskan kepada KPM ya. So ini adalah juga selaras dengan seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 yang mempertanggungjawabkan Menteri Kewangan secara keseluruhannya ke atas pengurusan kewangan Persekutuan. So, selaras dengan itu Bahagian Perolehan Kerajaan MOF bertindak sebagai penasihat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan segala keputusan masih tertakluk kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan berdasarkan kuasa tersebut.

Sehubungan dengan itu juga Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan. Ahlinya terdiri daripada Timbalan Menteri Kewangan, KSP, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Pengurusan) yang mana komiti ini bersidang sebulan sekali dan kita akan mengangkat semua perolehan yang melibatkan perolehan di bawah bekalan dan perkhidmatan RM50 juta ke atas. Manakala perolehan kerja yang melebihi RM100 juta ke atas diangkat kepada jawatankuasa ini bagi membolehkan satu keputusan yang secara telus dapat diambil supaya tidak berlaku isu-isu di kemudian hari.

Walau bagaimanapun perkara ini tidak dapat dielakkan kerana jika sesuatu keputusan diambil itu adalah tidak berdasarkan syor ataupun perakuan Bahagian

Perolehan Kementerian Kewangan, seksyen 6(1) Akta 61 memang membenarkan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil keputusan tersebut.

Okey mengenai dengan isu kedua...

Tuan Pengerusi: Okey. Kita bincang isu pertama terlebih dahulu. So Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan ini ditubuhkan bila Datin?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Kalau tidak salah saya, sejak 2003. Sudah la Tuan Pengerusi benda ini telah pun ditubuhkan.

Tuan Pengerusi: So, maksudnya di sini walaupun ada satu jawatankuasa dan ada bahagian perolehan dan sebagainya – *at the end* seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan memang memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk membuat keputusan terakhir, muktamad.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya betul.

Tuan Pengerusi: Okey. So, itulah sebab kita adakan syor untuk kuasa Kementerian Kewangan ataupun Menteri Kewangan digunakan secara berhemah. Okey ada apa-apa pembaikan dari situ selain daripada Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Kita memang mempunyai platform untuk membuat keputusan bagi nilai perolehan yang saya maklumkan tadi. Memang lah platformnya adalah Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan atau Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan tidak bersidang. Misalan kata ada memerlukan keputusan segera, kita juga mengangkat secara *loose* kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk keputusan. Kerana penurunan kuasa yang telah diberi kepada kita adalah berdasarkan kepada penurunan kuasa tersebut dan kita memang akur dengan penurunan kuasa yang telah diberikan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di bahagian perolehan dan juga pegawai atasan di Kementerian Kewangan. Maknanya kuasa yang telah diberikan – so maknanya kita menggunakan kuasa tersebut untuk memberikan kelulusan permohonan perolehan daripada agensi kerajaan.

Tuan Pengerusi: Okey. Kita faham ini merupakan kuasa yang diberikan di bawah suatu akta ataupun diberikan di bawah undang-undang kepada Menteri Kewangan. Akan tetapi khas dalam isu ini mungkin pihak MOF boleh mengutarakan ataupun membawa balik *concern* daripada PAC berkenaan dengan apa yang berlaku dalam projek Sekolah Sukan Malaysia ini, yang mana kita memang dalam rumusan kita dan juga syor kita mendapati bahawa keputusan ataupun kuasa yang dilaksanakan oleh Menteri Kewangan pada ketika itu memang tidak begitu tepat dan tidak memastikan kepentingan kewangan negara dan kepentingan rakyat dijaga dalam projek ini. Ini *I think*

merupakan satu pesanan daripada PAC kepada pihak Kementerian Kewangan dalam isu ini.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Okey Tuan Pengerusi kami mengambil perhatian mengenai perkara ini. Akan tetapi apa yang Tuan Pengerusi maklumkan tadi, benda itu juga saya akan sentuh dalam isu yang saya akan bincang selepas ini.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Mesyuarat serta tetamu sekalian. *I wonder* bila laporan ini tiba kepada MOF, laporan dan rumusan serta syor-syor PAC ini, *the final word* akhirnya adalah semuanya Menteri Kewangan, ya? Jadi, apa cadangan Menteri Kewangan dalam hal ini, kalau beliau dirujuklah? Adakah dia telah memberikan apa-apa perakuankah ataupun cadangan-cadangan dari segi *governance* dalam urusan ini? Ini kerana rumusan PAC itu tidak dipertikaikan ya kerana proses itu sendiri tidak diikuti sepenuhnya. Jadi kalau kuasa seksyen 6(1) di-*invoke* di sini, jadi selain daripada kita boleh mencadangkan supaya MOF berhemah *and that's it*, saya rasa *things like this is not going to be solved now and in the future*.

Ada kekebalan di sana. Seksyen 6(1) itu satu kekebalan yang— *How do we reconcile* dengan keperluan *integrity* dan juga *governance* dalam urusan di Kementerian Kesihatan, ya. Ada jawatankuasa yang lebih tinggikah atau *you need the Prime Minister to come out with the last word? Things will be worse if the Finance Minister and Prime Minister is one and the same person*. Takkan bawa kepada Yang di-Pertuan Agong pula. Jadi, *how do we reconcile this kind of discrepancies here in the management within MOF? Thank you*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum jawapan, saya hendak tanya sahaja secara khusus bila disebut tentang Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan kemudiannya ada dijelaskan bawah *item* dua. Selepas *due diligence* dilakukan semakan terhadap profil syarikat, permohonan pada awalnya disyorkan untuk ditolaklah. Maksudnya, Akta 61 itu akan memberi kuasa pun walaupun *due diligence* menunjukkan sebaliknya. Baik. *Just to recheck. Thank you*.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Mengenai perkara ini memang kita hanya sepertimana yang dimaklumkan tadi kerana *failure* untuk projek ini, yang itu daripada segi peringkat awal Kementerian Kewangan memberi kelulusan daripada segi pelantikan, ya. Akan tetapi daripada segi pelaksanaan dan sebagainya, itu juga

menyumbang kepada orang kata apa, daripada segi kegagalan projek ini. Daripada segi pelantikan syarikat ini, kita bukan menyalahkan Yang Berhormat Menteri Kewangan sepenuhnya kerana kita telah pun memberi nasihat, tetapi kalau ikutkan daripada segi pelaksanaan projek ini, kita dapati ini adalah cadangan projek secara *vendor-driven* yang mana syarikat mengemukakan senarai nama tersebut ya, *because* ini dilaksanakan secara tender terhad dan kita mendapat dua senarai.

Satu daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan satu lagi kita mendapat cadangan daripada syarikat yang mencadangkan supaya pelaksanaan projek ini dilaksanakan secara tender terhad. Walaupun kami— kami selalunya untuk perkara-perkara ini, kami akan menyediakan memorandum. Kita akan menceritakan dan cadangan kami pada awalnya memang kita— untuk dua cadangan itu kita tolak. Akan tetapi akhirnya setelah satu syarikat ini yang dimaklumkan tadi, merayu dan kita mengangkat balik, kita mencadangkan supaya keseluruhan permohonan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga syarikat ini dibuat secara tender terhad. Ini kerana kita dapat di situ daripada segi ketelusan, daripada segi pelaksanaan projek inilah tetapi dipilih daripada permohonan syarikat.

So, dari segi pelaksanaannya selalunya kita memang memberi nasihat yang sewajarnya. Di situlah berlakunya secara berhemah. Ya, memang kita memberi pandangan, kita beri nasihat dan sebagainya tetapi kalau keputusan itu yang dipilih oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita memang terpaksa akur lah Tuan Pengerusi. Maknanya daripada segi prosesnya terhenti di situ dan kita akan memberi keputusan tersebut kepada agensi untuk melaksanakan projek ini. So, dia ada lagi *continuity* di situ bagi membolehkan supaya projek ini dapat berjalan dengan lancar dan sebagainya lah. Itu daripada segi keputusan pelaksanaan untuk melantik syarikat, ya. Itu sahajalah yang saya boleh maklumkan di sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Ada? Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, iaitu susulan daripada soalan Yang Berhormat Lumut tadi dan juga jawapan tadi ya. Jadi di sini masalahnya bagi pihak PAC adalah bagaimana kita selesaikan isu ini? Ini kerana nampaknya jawapan atau maklum balas ini tidak akan selesaikan isu yang dibangkitkan dalam perkara ini dan kalau pada masa depan, perkara sama yang berlaku lagi iaitu jawapan sama diulangi lagi sekali dalam PAC.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya, betul.

Puan Wong Shu Qi: So, sebenarnya Yang Berhormat Menteri, tidak kira kementerian mana, Menteri adalah orang yang *provide political leadership* iaitu dia ada

kuasa untuk ambil keputusan muktamad. Saya pun faham bahawa semua penjawat awam beri nasihat secara pakar untuk menasihati Menteri. Jadi di sini kalau Menteri yang ambil keputusan muktamad, bagaimana kita *check and balance* atau *hold him responsible*-lah untuk keputusan itu? Terima kasih.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Itulah. Kita pun dari semasa ke semasa memang mengambil langkah untuk penambahbaikan, ya. Kalau kita tengok daripada segi projek ini dilaksanakan secara tender terhad disebabkan itulah pada tahun 2018, kita telah pun memansuhkan perolehan tender terhad ini kerana kita dapatkan terlalu banyak kelemahannya di situ, ya. Ini kerana cadangan daripada syarikat, cadangan daripada Menteri-menteri, untuk memilih syarikat-syarikat yang boleh dikatakan kawan-kawan dan sebagainya. So, disebabkan itulah kita telah menghapuskan perolehan tender terhad dan kita telah ganti dengan *pre-qualification (pre-q)* yang mana benda itu lebih telus dan sebagainya. Maksudnya kita *open* benda itu secara terbuka kepada syarikat. Kita buat pemilihan dan setelah kita mendapat pemilihan yang terbaik, kita *offer*-kan balik. Itu salah satu langkah yang kita ambillah untuk menghapuskan tender terhad.

Pada masa yang sama juga, Kementerian Kewangan sekarang ini tengah menggubal, tengah ini baru di peringkat cadangan kamilah supaya satu akta yang boleh mempertanggungjawabkan Menteri Kewangan dan juga Menteri lain ke atas keputusan yang telah diambil. Ini juga salah satu perkara yang sedang kami meneliti pada masa ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Wong Shu Qi: Cadangan terakhir itu adalah satu akta yang baharu atau pun pindaan terhadap akta mana-mana?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Satu akta yang baharu, mungkin kita ambil berdasarkan kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 ini, kita akan masukkan satu lagi *clause* yang baharulah mengenai perkara ini. Ya, memang kita sedang mengambil perhatian mengenai perkara ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *I am very much interested in the last sentence* berkenaan dengan pembaharuan, pindaan ataupun akta baharu berkenaan dengan isu ini. Boleh jelas—hurai dengan lebih lanjut atau tidak? Apakah yang telah pun dibuat? Apakah status dia sekarang? Secara prinsipnya, apakah pendirian Kementerian Kewangan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Masih lagi di peringkat awal, Tuan Pengerusi. Kita telah pun membuat *engagement* dengan *few agencies* dan juga dengan *stakeholders* yang berkaitan, ya. Akan tetapi perkara ini masih lagi dalam proses

pelaksanaan kerana kita hendak dapatkan *buy-in* itu agak sukar untuk perkara ini. So, masih lagi dalam proses penelitian bahagian perolehan tetapi *engagement* daripada segi mendapatkan input dan sebagainya telah pun dilaksanakan pada tahun yang lepas, ya. Masih lagi di peringkat awal. Kalau sudah peringkat yang draf, saya boleh *share*-lah benda itu tetapi masih lagi di peringkat awal, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *Buy-in* daripada siapa?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Daripada segi *stakeholders* jugalah, daripada Menteri Kewangan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: So, secara ringkas apakah tajuk yang diberikan untuk idea ini? Tajuk, maksud dia apabila *you all* bincangkan katakan ada satu mesyuarat. Mesyuarat itu berkenaan apa? So, apakah tajuk dia ataupun nama— nama rang undang-undang *is too early*-lah. Tajuk perbincangan yang pernah diadakan.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Memang mengenai kita kata akta tetapi saya tidak ada *specific word*. Daripada segi itu masih belum ada lagilah. Akan tetapi telah adapun perbincangan dan juga sedikit kajian untuk tujuan inilah. Memang telah ada.

Tuan Pengerusi: So, idea ini datang dari Kementerian Kewangan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya, betul. Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Okey, tetapi sekiranya— nampaknya Kementerian Kewangan dan Menteri Kewangan itu dua entiti. Jika datang dari Kementerian Kewangan, sepatutnya Menteri sudah *buy-in* kan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Akan tetapi Tuan Pengerusi kita kena maklumkan di sini kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan itu berubah-ubah, ya. *[Ketawa]* So, kadang-kadang dari segi pelaksanaan dasar dan sebagainya berubah, ya. Setiap kali kami mendapat Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baharu, keputusannya berubah. Kami kena mengikut kepada perkara tersebutlah. So, saya bercakap secara ikhlaslah ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Okey, ada soalan ataupun penjelasan lanjut diberikan, yang diperlukan untuk syor nombor satu ini? Okey, jika tak ada, kita *move*.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Okey, mengenai dengan syor kedua, MOF perlu melaksanakan *due diligence* yang dilengkapi dengan justifikasi bertulis sebelum syarikat-syarikat dicadangkan oleh MOF, kepada pihak kementerian bagi mengurangkan risiko kegagalan projek.

Untuk projek ini, memang MOF telah pun meneliti dan juga membuat semakan ke atas Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera sama ada masih berkuat kuasa ataupun tidak.

Dari segi itu, memang kita telah pun meneliti dan menyemak supaya dia mematuhi syarat pendaftaran dan kontraktor kerja kerana kami juga diberi akses oleh CIDB ke atas *profile* syarikat melalui sistem CIMS ini. Tetapi, jika sekiranya MOF memerlukan penilaian kemampuan syarikat dan sebagainya, itu kami akan mendapatkan daripada agensi, kami akan maklumkan secara bertulis—*case by case basis* sekiranya perlu. Akan tetapi, dari segi pendaftaran syarikat dan sebagainya, memang kami akan buat semakanlah. Itu sahaja Tuan Pengerusi untuk isu yang kedua ini.

Okey, yang seterusnya untuk yang ketiga. Inilah yang saya maklumkan tadi, mengenai dengan amalan perolehan sedia ada yang memberikan ruang kepada mana-mana kontraktor atau syarikat mencadangkan nama-nama syarikat lain bagi tujuan tender, harus dipertimbangkan secara *case-by-case basis*.

Ini adalah pelaksanaan secara tender terhad. MOF mendapati permohonan tender terhad ini mempunyai banyak kelemahan dan tidak kemas dari segi pelaksanaannya, tidak telus dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, kaedah perolehan secara tender terhad telah pun dimansuhkan dan digantikan dengan perolehan secara tender terbuka pra-kelayakan ataupun *Pre-Q* berdasarkan surat MOF bertarikh 29 Jun 2018. Ya? Kita telah pun mansuhkan tender terhad inilah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Datin, saya nak tanya. Perolehan secara tender terbuka dan perolehan secara tender terbuka *Pre-Q*, apa beza dia?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Untuk tender terbuka secara *Pre-Q* ini, dia mempunyai dua peringkat. Pertamanya kita akan *blast* kepada semua syarikat, yang mempunyai kod bidang yang telah kita iklankan.

Berdasarkan yang telah kita iklankan, dia ada kriteria-kriteria tersebut, so, kita akan *blast* kepada semua syarikat yang memenuhi kriteria tersebut. Kita akan membuat penilaian dari segi kewangan.

Syarikat yang mana yang melepasi penilaian kewangan berdasarkan kepada projek tersebut yang telah ditetapkan, dan kita akan bawa kepada Lembaga Perolehan untuk dimuktamadkan syarikat-syarikat tersebut; dan selepas itu, syarikat yang berjaya itu, kalau ada lima atau sepuluh syarikat, kita akan tawarkan kepada peringkat kedua dokumen tender tersebut. Daripada situ kita akan buat penilaian untuk dari segi teknikal dan juga harga yang dikemukakan kepada syarikatlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: So, itu maksudnya *Pre-Q*. Okey.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Saya hanya nak mengetahui selepas daripada surat bertarikh 29 Jun 2018, tiga tahun yang lalu, ada apa-apa arahan yang *supersede* arahan ini atau bagaimana? Atau *this is the last and* yang diguna pakai oleh Kementerian Kewangan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya, ini merupakan satu keputusan yang terakhir. Bermakna kita masih lagi guna pakai *Pre-Q* ini, masih lagi berjalan. Walaupun kadang-kadang kita mendapat permohonan tender terhad, tetapi memang kita kata tak mematuhi tatacara. Kita telah pun membatalkan kaedah tersebut.

Tuan Pengerusi: *Actually* apa bezanya sebut harga dengan tender terhad ini?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Sebut harga dengan tender ini berdasarkan kepada nilai. RM500,000 ke bawah adalah secara sebut harga, pelaksanaannya.

Tuan Pengerusi: Tapi dulu RM200,000 kan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya, ya. Kita dah *review* dah. Dah lama dah Tuan Pengerusi. Kita dah naikkan kepada RM500,000.

Tuan Pengerusi: Bila *review* itu?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: *Review since* – saya tidak pasti bila.

Tuan Pengerusi: Dia baru-baru inikah, atau sudah dua atau tiga tahun?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Dah lama Tuan Pengerusi. Tidak salah saya, lima tahun yang lepas kita dah *review* dah.

Tuan Pengerusi: *So direct nego* dia had berapa? RM20,000?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: *Direct nego* tidak ada had.

Tuan Pengerusi: *No, no.* Okey, katakan lantikan terus. Bukan di peringkat MK tetapi untuk katakan peruntukan daripada ahli-ahli Parlimen, dia *direct nego* dahulu sampai RM20,000 kan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Itu perolehan terus. Ya, RM20,000.

Tuan Pengerusi: Okey, RM20,000. *Then*, dari RM20,000 sampai RM500,000...

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Sebut harga, ya.

Tuan Pengerusi: Lebih daripada RM500,000?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Tender.

Tuan Pengerusi: Tender terbuka?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya.

Tuan Pengerusi: Tender terbuka.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Tenderlah. Tenderlah kita kata. Maknanya terbukalah itu.

Tuan Pengerusi: Okey, so...

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Kita ada dua. Tender dan tender *Pre-Q* sekarang ini 'kan.

Tuan Pengerusi: Okey, so, tender terhad ini, di peringkat mana? *I mean* dalam lingkungan mana? Skop mana?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Tender terhad kita telah pun hapuskan *since* 2018. So, maknanya dah tidak ada sudahlah, Tuan Pengerusi. Tender terhad.

Tuan Pengerusi: So, pada masa itu, bagaimana tender terhad dilaksanakan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Tender terhad – pada masa dulu, kalau sebarang permohonan tender terhad...*[menutup mikrofon untuk berbincang sesama sendiri]*

Kalau dahulu, pelaksanaan tender terhad memang memerlukan keputusan Kementerian Kewangan. Keputusan Kementerian Kewangan untuk diberi kelulusan. *Once* kita beri, barulah agensi boleh melaksanakan tender terhad tersebut.

Tuan Pengerusi: *Actually* kebiasaannya, siapa yang akan membuat cadangan – *of course*, keputusan akan dibuat oleh MK, tetapi siapa yang akan membuat cadangan sama ada projek ini harus diberikan secara tender terhad?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Kalau boleh saya jawab?

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Datuk.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Dia ada beberapa kaedah yang diamalkan dahulu. Pertamanya melalui kementerian. Kementerian juga kadang-kadang memohon sesuatu projek itu dilaksanakan secara tender terhad. Jadi, kita mohon kepada MOF kerana MOF mempunyai kuasa untuk meluluskan.

Okey, yang kedua, mungkin juga daripada inisiatif syarikat sendiri kepada pihak Kementerian Kewangan. Itu juga berlaku untuk projek-projek tertentu di kementerian misalannya. So, dalam konteks projek SSM ini sebagai contohlah, di mana pihak syarikat mengemukakan permohonan kepada MOF dan MOF luluskan. Okey.

Ketiga, yang saya nak sebut adalah dari segi senarai. Mungkin sesetengah kementerian, dalam konteks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), saya ambil, ada senarai yang dikemukakan oleh pihak KPM. Ada sepuluh, misalannya untuk tender terhad dan dimohon kepada Kementerian Kewangan.

Akan tetapi dalam masa yang sama, Kementerian Kewangan juga mempunyai kuasa untuk menidakkan atau mempersetujui sepenuhnya atau dengan pindaan dekat syarikat-syarikat lainlah. Itu di bawah bidang kuasa MOF. So, ada beberapa kaedahlah yang biasa diguna – amalan yang digunakan.

Tuan Pengerusi: Okey, faham. Cuma saya masih ada sedikit kekeliruan di sini kerana pada dua atau tiga tahun lepas di PAC juga. Masa itu, Tuan Pengerusi adalah Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, yang mana pada ketika itu, *I think* PAC pernah memanggil MOF untuk memberikan satu taklimat kepada ahli-ahli PAC berkenaan dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 dan juga skop setiap satu perolehan. Itulah.

Sampai hari ini saya masih ingat pada masa itu, kita diberitahu, sekiranya ada satu projek bernilai RM200,000 ke atas, itu kena dilaksanakan secara tender terbuka. Akan tetapi, pada pagi ini Datin beritahu hanya RM500,000 ke atas barulah tender terbuka dan di bawah itu adalah sebut harga. RM500,000.

So, itu buat saya mempunyai sedikit confusion. So, I do not know whether secretariat –because ramai di antara di sini yang bukan ahli-ahli lama. So, whether you all remember atau tidak, saudari Yang Berhormat Permatang Pauh *on this point?*

Apa yang kita diberitahu pada masa itu adalah RM20,000 ke bawah adalah rundingan terus. RM20,000 sampai RM200,000 sebut harga. *Anything more than* RM200,000 adalah tender terbuka. Itu yang diberitahu. Ya, sila.

Puan Noor Aini binti Ahmad: Saya daripada JPA, Tuan Pengerusi tetapi saya - daripada segi itu nilai ya, Tuan Pengerusi. Bukan RM20,000 ke bawah sebenarnya, kalau untuk kerja memang RM20,000 ke bawah, tetapi kalau untuk bekalan, RM50,000 ke bawah. Akan tetapi nilai yang atas itu, RM200,000 naik kepada RM500,000 memang ada Pekeliling. Tapi saya tidak ingat. Tidak ingat. Memang...

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Saya terlupa tahun.

Puan Noor Aini binti Ahmad: Sekarang ini sebut harga itu ada dua. Sebut harga A dan B.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya, sebut harga ada dua. A dan B.

Puan Noor Aini binti Ahmad: Jadi RM200,000 itu jadi B. RM200,000 sampai RM500,000 adalah B. A adalah RM200,000 sehingga RM500,000. Selepas RM500,000 itu akan jadi tender. Tender itu yang akan pecah, tender terhadlah, tender terbukalah, tender apa-apa.

Tuan Pengerusi: Okey, bolehkah MOF sediakan pekeliling itu sesalinan kepada sekretariat?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Pekeliling ini kita ada banyak Tuan Pengerusi. Kalau Pekeliling Perbendaharaan kita PK 1 hingga 8.

Tuan Pengerusi: *You just* – atau MOF *just* bagi satu *summary* kepada pihak sekretariat, okey — berapakah had siling setiap satu? *So*, kita ada suatu yang lebih *confirmed*-lah.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Boleh, dari segi nilai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *That's why I got confused.* Datuk Osman? Itu tahun 2018 'kan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: *First PAC?*

Tuan Pengerusi: Bukan *first, I think – I mean the first few*-lah. Okey, boleh MOF bagi satu – *I mean this is out of topic*, bagi satu *summary* kepada pihak sekretariat. Itu era Yang Berhormat Wong Chen. Okey, terima kasih. Ada lagi? Ya, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Selain daripada prosedur biasa yang berlandaskan kepada arahan perolehan dan sebagainya, peraturan semua. Adakah pengecualian-pengecualian lain seperti *urgency*, ada misalnya keperluan segera. Tanah runtuh yang RM1.5 juta anggaranya. Jadi adakah ia ada pengecualian dalam hal ini dan kuasa itu di tangan siapa?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ada. Kuasa untuk, contoh katalah untuk darurat. Katakan hari ini kita dengar semalam ribut, bumbung sekolah tercabut misalnya. Dalam keadaan tertentu ketua pengawal diberi kuasa untuk menggunakan peruntukan darurat.

Jadi kita akan menggunakan peruntukan darurat. So, dibolehkan untuk melaksanakan tindakan untuk membolehkan keadaan balik seperti sedia kala. Misalnya, sekolah tengah berjalan, esok pelajar hendak masuk sekolah tetapi semalam hujan lebat, ribut, runtuh. So, kita akan bina kabin dan sebagainya menggunakan kuasa yang diberikan kepada ketua pengawal, KSU untuk membolehkan membina kabin, dibina sementara dan sebagainya. Itu ada di bawah darurat.

Kedua, mungkin yang Yang Berhormat...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Tidakkah?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Perolehan darurat ini memang kita benarkan atas kuasa pegawai pengawal seperti Datuk KSU maklumkan tadi. Limitnya, tidak ada limit tetapi kerja yang melibatkan itu sahaja. Jangan terlebih-lebih membuat benda-benda lain. Kalau benda itu misalnya kalau bumbung itu, okey untuk kerja itu sahaja. Kita benarkan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Pemilihan syarikat itu?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Pemilihan syarikat, pasal kita benda hendak cepat. Itu bergantung kepada—

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya, terus, kita akan teruskan dalam keadaan-keadaan daruratlah.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk KSU, biasanya kalau perolehan darurat ini kita pihak jabatan pendidikan negeri dan juga PPD biasanya kita akan *engage* dengan pihak JKR daerah untuk tengok keperluan teknikal. Kita akan dapat input daripada JKR untuk kita melantik mana-mana syarikat yang sesuai untuk buat kerja-kerja pembaikan. Terima kasih.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Yang Berhormat kalau boleh saya tambah sedikit. Itu yang pertama, dari segi rundingan terus yang dibenarkan.

Kedua, bagi keadaan keperluan mendesak contohnya macam berlaku keracunan di sekolah asrama. Jadi dalam tempoh siasatan, syarikat pembekal makanan di sekolah asrama ini terpaksa dihentikan. So, kalau dihentikan maknanya budak-budak ini tidak boleh makan. So, kita boleh buat untuk pembekalan serta-merta menggantikan syarikat ini. Itu juga di bawah kuasa ketua pengawal. Kadang-kadang berlaku di sekolah-sekolah asrama misalnya.

Ketiga, juga dibenarkan untuk *direct negotiation* dan sebagainya, jika sesuatu projek itu memang hanya satu syarikat ini sahaja mempunyai kepakaran. Itu juga dibenarkan oleh MOF.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Sedikit tambahan Tuan Pengerusi, memang perolehan secara rundingan terus ini kita benarkan. Bukan kata kita tidak benarkan langsung kerana PK kita membenarkan seperti mana yang dimaklumkan Datuk KSU yang memerlukan kesegeraan dan kepentingan awam.

Kedua, maksud penyeragaman, kita benarkan. Punca hanya satu bekalan sahaja kita benarkan dibuat secara rundingan terus melibatkan keselamatan strategik dan kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera. Ini adalah lima perkara yang kita benarkan untuk perolehan secara rundingan terus.

Tuan Pengerusi: *I think* posisi itu kita faham. PAC telah pun banyak kali bincang berkenaan dengan isu sebegini, rundingan terus. *We have no problem if all the* — kesemua panduan adalah diikuti.

Okey, syor tiga ada apa-apa yang perlu ditambah lagi? Ahli-ahli Yang Berhormat? Okey, jika tidak ada kita pindah ke syor keempat. So, saya jemput KPM, Datuk.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Datin Rosni.

Seterusnya, KPM akan meneruskan untuk memberi maklum balas berdasarkan kepada syor yang keempat yang telah dikemukakan oleh PAC iaitu kementerian hendaklah memaklumkan semula secara bertulis kepada MOF sekiranya syarikat yang dinilai tidak memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.

KPM telah mengambil tindakan sewajarnya dengan, pertama mengambil maklum dan akan memastikan maklumat syarikat yang tidak memenuhi kriteria dikemukakan kepada MOF bagi projek-projek yang akan datang sebagaimana yang disyorkan oleh PAC.

Kedua sebagai makluman bagi projek SSM Perlis, KPM telah meletakkan beberapa kriteria atau syarat yang perlu dipenuhi oleh pihak kontraktor penyiap, ini kontraktor penyelamat bagi memastikan hanya kontraktor yang benar-benar layak sahaja dilantik.

Lapan kriteria ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan KPM Bilangan 12/2019 pada 17 Oktober 2020 seperti berikut:

- (i) pendaftaran yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G7, ini dalam konteks Sekolah Sukan Perlis;
- (ii) pendaftaran yang sah dengan CIDB di bawah kategori *building, civil engineering*, pengkhususan B04 (kerja-kerja pembinaan bangunan) dan CE21 (pembinaan kejuruteraan awam);
- (iii) penarafan sekurang-kurangnya empat bintang CIDB dalam Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) seperti syor JKTN pada 1 Ogos 2019;
- (iv) kontraktor yang dinilai juga mestilah mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya;
- (v) keupayaan kewangan yang baik, *net worth* melebihi 20 peratus daripada nilai tahunan baki kerja atau modal pusingan melebihi 10 peratus dan daripada Nilai Tahunan Baki Kerja (NTBK) atau modal mudah cair minimum RM1.5 juta;
- (vi) keupayaan teknikal, kontraktor mempunyai pengalaman projek pembinaan yang serupa yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima tahun terkini;

- (vii) kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang sakit iaitu 20 peratus lewat dari jadual serta bebas daripada rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyampaian projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima tahun adalah memuaskan; dan
- (viii) tidak disenaraikan hitamkan oleh CIDB ataupun Kementerian Kewangan.

Ini yang kita tetapkanlah. Seterusnya...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, jadi ini tindakan yang akan diambil?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Telah pun diambil untuk sekolah ini.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Untuk projek ini?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya, untuk projek ini semasa pelantikan kontraktor penyiap.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Akhirnya syarikat yang sama?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Tidak. Ini kedua.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tidak ya, oh, yang kedua, okey.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Sikit Datuk, 'kerja semasa yang sakit' ini, apa dia punya definisi?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Saya minta pegawai teknikal jelaskan dengan lebih detil. Boleh Encik Azman.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Bagi mana-mana projek pembangunan yang mana kelewatannya melebihi 20 peratus. Itu dikategorikan sebagai projek sakit. Jadi kalau katakan bawah daripada 20 peratus itu, kita panggil lewat jadual.

Jadi dalam kes ini telah ditetapkan kita kena lantik kontraktor yang tidak mempunyai projek sakit. Jadi sebenarnya Yang Berhormat masa kita menetapkan kriteria ini, *actually* Kementerian Pendidikan melalui arahan Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSN telah menambahkan lagi syarat untuk memastikan kontraktor yang dilantik itu lebih kompeten, yang terbaik.

Sebenarnya kriteria-kriteria yang dibentangkan oleh Datuk KSU tadi kita ambil daripada JKR, syarat-syarat untuk melantik kontraktor penyiap, kita ambil daripada peraturan JKR. Bagaimanapun, kita tambah lagi yang mengatakan yang empat bintang SCORE CIDB itu. Itu telah ditekankan oleh KSN dalam mesyuarat JKTN. Dia kata KPM

kalau hendak lantik lagi kontraktor penyiap kali kedua ini, kena ambil yang empat bintang ke atas. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tanya sikit di sini. Syarikat Bumi Jelapang Corporation Sdn. Bhd. ini apakah statusnya sekarang di peringkat CIDB atau MOF? Sama ada ia memang sudah disenaraihitamkan atau tidak?

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, kita pun tidak ada maklumat berkenaan. Jadi memandangkan kita pun tidak ada urusan dengan syarikat berkenaan, jadi kita tidak *follow that*-lah.

Tuan Pengerusi: Siapa kontraktor yang dilantik? Bukan Bumi Jelapang kan? Ia kontraktor lain.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Bukan. Bumi Jelapang itu mula-mula hantar *proposal*, yang masa mula-mula dulu. Untuk kita melantik kontraktor penyiap kali kedua ini, syarikatnya ZIKAY.

Tuan Pengerusi: ZIKAY.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Ada selepas ini Yang Berhormat, ZIKAY Construction.

Tuan Pengerusi: Okey, apa status syarikat ZIKAY ini? Ada disenarai hitam tidak?

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Tidak.

Tuan Pengerusi: So, apakah kriteria yang hendak dipenuhi sebelum sesuatu syarikat itu disenaraihitamkan *because* kita tahu syarikat— *I mean* projek Sekolah Sukan Perlis ini sekarang memang belum siap, penuh dengan lalang *and everything* tetapi sekiranya syarikat masih tidak disenaraihitamkan, so apakah yang kita boleh mampu capai dengan kriteria ini, tidak disenaraihitamkan oleh CIDB atau MOF?

So, I think MOF kena beri sedikit pencerahan di sini juga kenapa syarikat-syarikat sebegini masih belum lagi disenaraihitamkan.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Tuan Pengerusi, kita akan buat semakan dan kita akan *update status* nanti. Boleh, boleh Tuan Pengerusi.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, minta maaf Yang Berhormat. Slaid selepas ini kita akan tunjukkan *progress* semasa di tapak yang sedang dilaksanakan oleh kontraktor penyiap kali kedua yang kita lantik ini iaitu ZIKAY yang mana projeknya sekarang sedang berjalan. Syarikat yang kita lantik

pun telah memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh JKR dan juga lima bintang CIDB tadi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi ZIKAY ini kontraktor penyiap kah, kontraktor yang asal?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: *No, penyiap.*

Tuan Pengerusi: Oh, sudah tukar.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: *If I may explain* untuk makluman, mungkin kita ada terlupa.

Tuan Pengerusi: Saya cuba untuk *recall memory*.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Okey, BJSB tadi syarikat pertama dia menjalankan tugas tetapi dia gagal. Bila dia gagal, dia dilantik semula untuk menjadi kontraktor penyelamat, pun dia gagal. Bila dia gagal yang inilah kita lantik kontraktor ketiga ZIKAY.

Tuan Pengerusi: Okey, faham. Yes, sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hendak tanya daripada segi prosedur kalau ada salah seorang anggota lembaga pengarah syarikat yang gagal contohnya, dia bersama dalam syarikat baharu. Adakah ada prosedur yang memastikan tidak ada mana-mana individu dalam syarikat lama yang juga berpangkalan atau terlibat dalam syarikat terbaharu? Ataupun hanya *due diligence* itu melibatkan hanya syarikat dengan syarat-syarat tertentu bukannya penama atau pemilik? *Can I just get that verification?*

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Kementerian Kewangan]: Untuk sementara ini apa yang kita semak adalah status *of the* syarikat, bukan ahli lembaga pengarah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So, technically* kalau dia salah seorang ahli pengarah yang memang terlibat dengan syarikat baharu, dibolehkan maksudnya? *There is no red flags to block them?*

Datin Rashidah binti Mohd Sies: *At this point*, tidak ada.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Can you consider to include that?*

Datin Rashidah binti Mohd Sies: Ya, *we will consider that*, kita akan pertimbangkan *because moving forward* pun di bawah BO yang keperluan SSM, kita akan dapat memastikan sama ada ahli lembaga pengarah yang sama juga menduduki syarikat yang berlainan. Jadi di bawah BO nanti yang kita akan perkenalkan ini, syarikat-syarikat yang akan masuk tender ini perlu mematuhi keperluan SSM untuk *men-declare under the beneficial ownership* (BO).

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih, saya hendak tanya juga satu lagi tambahan. Maksudnya bila disenaraihitamkan, yang disenaraihitamkan ialah syarikat, bukannya anggota pengarah. Jadi, maksudnya *isn't it better to also blacklist both because* syarikat itu hanya wujud atas dasar pengarah-pengarah syarikat, mereka yang pilih dan sebagainya. Jadi, pada saya ia kena mencakupi kesemuanya sekali. *Once you get involved into a faulty project, you are responsible in toto.*

Datin Rashidah binti Mohd Sies: Ya, kami ambil maklum sebagai mana—pada kebiasaannya bagi syarikat-syarikat kami untuk pelantikan ahli lembaga pengarah, kita akan buat *verification* sama ada *candidate* itu bankrap ataupun ada SPRM *issue*. Jadi, mungkin di peringkat perolehan mungkin kriteria ini kita boleh ambil kira jugalah.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Kalau saya boleh tambah sedikit berkenaan senarai hitam ini kita biasanya mana-mana kontraktor yang kita tamatkan sama ada disebabkan oleh tidak dapat *perform*, kita tamatkan, surat penamatan itu kita akan *c.c. copy* kepada Kementerian Kewangan, CIDB dan sebagainya untuk rekod dan tindakan lanjut pihak berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Sila Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ya, saya ada sedikit hendak diutarakan berkenaan dengan syarikat. Ada di antara tuan punya syarikat ini dia ada mempunyai proksi-proksi tertentu. Jadi apabila mereka *create* satu syarikat, dia akan gunakan nama lain. Nama syarikat lain dan proksi dia pun lain tetapi tuan punya adalah orang yang sama.

Jadi ini memang banyak terjadi. Jadi macam mana cara kita untuk *check* benda-benda macam mana ini kerana ini memang terjadi banyak.

Datin Rashidah binti Mohd Sies: Sebagaimana yang saya maklumkan, salah satunya ialah secara *beneficial ownership that* pengarah-pengarah berkenaan atau syarikat berkenaan perlu buat *disclosure*. Salah satu kaedah yang kita lakukan ialah kita tengok alamat surat-menyurat ataupun alamat *business*. Sekiranya dia menggunakan alamat yang sama itu akan menimbulkan *red flag* kepada kami dan kita akan buat semakan lanjut.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Jadi melalui pengalaman saya, memang banyak benda macam ini terjadi tetapi dia orang ini *one step ahead* lagi. Dia orang tahu benda-benda ini di mana *red flag* yang kita akan *check*. Kalau kita sebagai *auditor*, dia tahu mana tempat yang kita akan *check*. Itu sudah dia orang *cover* itu semua.

Jadi ini kadang-kadang apabila terjadi, susah untuk kita. Jadi apabila benda itu sudah, yalah sesuatu yang tidak baik terjadi barulah benda ini terkeluar. Jadi sebagai— untuk kita, peringatanlah.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Yang Berhormat, kalau boleh saya menyampuk sedikit. Memang betul, kita faham kadang-kadang berlaku perkara macam itu. Akan tetapi dalam masa yang sama kita tidak boleh menghalang mana-mana individu atau warganegara untuk membuka syarikat. Kita tahu kadang satu *family*. Adik ada satu syarikat, abang ada satu syarikat *but how. We cannot just simply*, “Oh, kerana abang *you* ada syarikat, *you* tidak boleh ada”.

You know it's very difficult on our part. Itu yang jadi kekangan kita. Kalau kita tengok kebanyakannya syarikat-syarikat *enterprise*, memang banyak kawanlah tetapi mungkin dipunyai— saya tidak hendak bersangka buruk tetapi kemungkinan itu ada. *But we cannot resolve the issue because* kita tidak boleh menghalang individu yang layak untuk membuka syarikat.

Tuan Pengerusi: Okey, dalam isu ini tadi saya tertarik dengan *beneficial ownership* (BO). Itu sebablah pentingnya supaya kesemua *shareholder* ataupun *director* yang memiliki syarikat tersebut hendaklah *declare beneficial ownership*. Itu nombor satu.

Kedua, bagi mereka katakan satu syarikat memang dipunyai oleh seseorang yang mana dia juga memiliki sesuatu syarikat lain yang telah disenaraihitamkan. *So, in that case I think* pihak kementerian dan juga MOF kenalah— *unless* dia orang masukkan nama proksi *that is different story* tetapi jika nama dia sendiri *I think* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi, hendaklah *shareholder* ataupun *director* juga dimasukkan juga dalam senarai hitam. *Because that is very clear he who owned 100 percent in syarikat A and he owned 100 percent in syarikat B, it's very clear that is his company what. So, instead of only blacklisting Syarikat A, just go for the director and the shareholders.* Itu cadangan daripada kami.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Soalan berkenaan juga, tetapi cadanganlah kepada MOF kerana semua syarikat yang telah disenaraihitamkan ini, *public* tidak tahu. Kami Ahli Parlimen di sini pun tidak tahu. Saya rasa pegawai di kementerian lain pun mungkin tidak tahu. Mereka hanya boleh semak dari semasa ke semasa bila ada tender, mereka kena semak dengan kementerian berkenaanlah, sama ada ini penuh dengan semua layak.

Itu boleh atau tidak, kita ada satu *hub* data yang lebih terbuka supaya semua syarikat ini yang pernah dapat projek kerajaan dan gagal melaksanakan, yang disenaraihitamkan, di-*publish*-lah, terbitkan di satu laman web atau tengok macam

manalah, supaya orang awam dan juga sesiapa pun boleh cari maklumat. Adakah syarikat ini—apa rekod dia dengan semua projek kerajaan? Lebih senanglah bagi orang awam tahulah rekod syarikat semua ini. Terima kasih.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Okey, saya hendak tambah sedikit. Untuk syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan, memang dalam sistem pendaftaran syarikat di bawah e-Perolehan itu, memang kita ada letakkan di situ yang mana yang disenaraihitamkan, yang mana kita memberi amaran selama lima bulan, enam bulan. Memang ada data itu, di mana agensi-agensi yang hendak membuat pemilihan kepada syarikat, dia boleh *access* maklumat tersebut.

Sebelum pemilihan dibuat, di peringkat jawatankuasa sebut harga ataupun tender, maknanya *they all* tahu. Mana yang *blacklist*, syarikat itu memang tidak boleh masuk, di-*block* terus untuk memasuki perolehan kerajaan. Itu untuk bekalan dan perkhidmatan. Untuk kerja ini, di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pun, di bawah sistem CIMS pun, kita boleh nampak yang mana syarikat-syarikat yang dalam proses tindakan tatatertib, yang mana dikenakan tindakan levi dan sebagainya, memang ada di situ. Maknanya, rujukan itu memang boleh dibuat dan bokeh diakses oleh agensi-agensi yang melaksanakan perolehan. Memang sudah ada platform itu, Tuan Pengerusi.

Puan Wong Shu Qi: Akan tetapi, tidak boleh diakses oleh orang awam 'kan?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Macam itu tidak boleh akseslah. Macam CIDB, CIMS semua itu dia beri *password* kepada agensi-agensi kerajaan. Macam orang awam tidak adalah, tidak bolehlah.

Puan Wong Shu Qi: Saya rasa mungkin kita boleh *consider*-lah, kalau data-data macam ini—untuk syarikat yang disenaraihitamkan—dapat dicari, bukan terus dipaparkan di sana, ini yang disenaraihitamkan, tetapi apabila orang *key-in* nama syarikat itu, orang akan dapat syarikat ini ada rekod yang tidak baik.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Untuk sistem di bawah Kementerian Kewangan kita mengambil maklumlah, Yang Berhormat Kluang.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit. Dia ada tempohkah penyenaaran hitam ini, 5 tahunkah atau dua tahunkah atau seumur hidup? Seumur hidup baik bungkus teruslah.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Untuk bekalan perkhidmatan, yang mana sistemnya di bawah Kementerian Kewangan, memang kita ada tempoh-tempoh tertentu yang mana mandatorinya syarikat-syarikat yang menipu, ya, data dan masuk tender, memberi kenyataan palsu, mengemukakan penyata kewangan palsu dan sebagainya,

kita akan bawa kepada *committee*, ya. *Committee* yang *decide*. Ada yang kita beri sampai lima tahunlah, maksimum. Ada yang kadang-kadang untuk hukuman-hukuman yang kecil, kita beri amaran dahululah fasal kita pun memberi pertimbangan, syarikat-syarikat yang baru ini kita perhati juga dari segi itu. Ada hukuman-hukumannya, jawatankuasa tatatertib yang akan memberi hukuman tersebutlah.

Tuan Pengerusi: So yang pelepasan itu akan secara automatik selepas tamat tempoh, atau dia kena buat permohonan untuk melepaskan diri dia?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Selepas lima tahun, sistem akan *release* begitulah. Dia tidak perlu...

Tuan Pengerusi: Okey, secara automatiklah?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ya, automatik.

Tuan Pengerusi: Okey. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof, boleh teruskan.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk yang syor kelima berkaitan dengan syor KPM tidak boleh mengulangi kegagalan memantau pelaksanaan projek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah tanggungjawab Kementerian. KPM mengambil maklum akan syor ini, dan untuk makluman ahli mesyuarat, bagi projek-projek pembinaan yang sedang dilaksanakan, KPM telah melaksanakan perkara-perkara berikut.

Pertamanya, pemantauan projek dilaksanakan secara berterusan melalui mesyuarat atau lawatan tapak oleh SO iaitu *superintending officer* dan wakil KPM di dalam lain-lain jawatankuasa seperti Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK), mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit, yang ataupun kita kenali sebagai *Contract Coordination Panel* (CCP) dan lain-lain, akan ada diwakili oleh KPM-lah bagi sesuatu projek itu. Sebagai penambahbaikan dan komitmen KPM dalam memastikan projek SSM Perlis ini dapat disiapkan, KPM juga telah melantik dan mendapatkan khidmat nasihat dari perunding sebagai wakil pakar berkaitan bidang teknikal dan lain-lain. Jadi, wakil pakar ini boleh terus sahaja. Dia akan ada di *site*, dia boleh pergi ke *site* dan melihat apa isu sebenarnya di *site*. Kalau dulu dia kena bawa ke jabatan atau kementerian untuk perbincangan. Jadi, kadang-kadang tidak nampak. Jadi kalau di *site* itu, *you* boleh nampak sudah. Sudah tahu apa itu sebenarnya dan kita akan cuba *tackle onsite*-lah, ataupun kalau perlu dibawa kepada *level* kementerian, kita akan selesaikan.

Kedua, menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan khas projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis yang dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Pengurusan dan dianggotai oleh wakil-wakil KPM dari pelbagai bahagian di Kementerian dan juga Jabatan Pendidikan Negeri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab

dalam hal pengurusan projek yang tidak melibatkan kontraktual, serta mencadangkan sebarang penambahbaikan. Kedua, ianya menyelaras dengan pemegang taruh yang berkaitan di kementerian dan negeri Perlis bagi menyelesaikan isu-isu yang mungkin boleh melambatkan kemajuan projek.

Ketiga, menyelaras dengan bahagian sukan, kurikulum, kesenian...dan ini antara penyelarasan yang dibuat di peringkat kementerian sendirilah. Dari segi perancangan sumber manusia, misalnya, apabila projek ini sudah siap, kita hendak kena pastikan bahawa peralatan asetnya pun telah tersedia, termasuk juga guru-gurunya misalnya. Jadi, dia tidak akan tertangguh. Kita tidak hendak juga bila projek ini sudah siap, tetapi tidak buat pengisian. Jumlah guru belum ada dan sebagainya. *So all* itu kena *in place* supaya bila dia siap sahaja, semua sekolah ini akan boleh terus beroperasi dan tidak lewat. Bagi...

Tuan Pengerusi: Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof, untuk pelantikan khidmat nasihat perunding ini, untuk kes sekolah sukan ini sahajakah, atau untuk kesemua kes yang lain?

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, mana-mana kontrak pembinaan di bawah Kementerian Pendidikan, kita akan lantik *consultant* untuk mewakili KPM, mewakili SO, untuk memantau dan memastikan projek dapat dilaksanakan dan disiapkan. Untuk projek ini, kita telah memberi tugas tambahan lagi. Kita lantik *consultant* kita ini sebagai wakil SO pakar supaya sekiranya ada perkara-perkara ataupun isu-isu berbangkit di tapak yang boleh diselesaikan, dia boleh selesaikan terus. Tidak perlu hendak bawa ke SO tetapi, kita hadkanlah dia punya kuasa-kuasa. Tidak bagi kuasa sewenang-wenanglah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: No. Soalan saya adalah pelantikan perunding ini adalah khas untuk projek ini atau untuk projek-projek yang lain juga, akan dilantik seseorang perunding?

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: *Individual project, individual consultant.*

Tuan Pengerusi: Okey, so setiap...

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Semualah, semua. Maksudnya semua.

Tuan Pengerusi: Setiap projek pun akan ada *consultant* dialah.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh, saya ada satu soalan lagi. *So*, memandangkan dalam projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis ini, kita telah pun melantik seseorang kontraktor penyiap dan di sini dinyatakan juga mendapat perkhidmatan daripada perunding. *So* apakah kerugian

ataupun kos tambahan yang dijangkakan akan diperlukan untuk menyiapkan keseluruhan projek ini?

Apa yang terjadi dengan bayaran yang telah pun dibuat kepada kontraktor asal? Saya percaya bahawa bayaran telah pun dibuat. Apa yang terjadi dengan bayaran-bayaran tersebut? Sama ada ada apa-apa *legal suit* untuk cuba mendapat kembali sebahagian bayaran yang telah pun dibuat?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Okey, dengan izin Tuan Pengerusi serta Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof, untuk makluman, bagi projek yang telah kita tamatkan, kalau kita banding dengan nilai kos tender asal, iaitu yang pertama sebanyak RM34 juta, daripada RM34 juta itu, *once* kita *terminate* dia, kita sudah bayar sebanyak RM12 jutalah. *The commitment* RM12 juta untuk— *based on* prestasi semasa pada masa tersebut adalah 40 lebih peratus— 49 peratus.

Kemudian apabila kita lantik semula dia, kos untuk projek itu bernilai RM32 juta dan kita dah bayar sebanyak RM974,000 sebab dari segi *progress* dia hanya dua *per cent* sahaja. *So, overall* yang kerajaan dah *commit* adalah dan telah membuat pembayaran kepada kontraktor adalah sebanyak RM12.995 juta. Itu kos keseluruhan melibatkan kontraktor penyiaplah.

Bagi kontraktor penyiap kali kedua memang terdapat tambahan kos. Hari itu ada peningkatan sebanyak, kalau kita banding dengan asal, sekarang kos projek adalah RM41.95 juta. Ini disebabkan oleh kerja-kerja *rectification* dan juga *construction cost* yang meningkat sebab pada asalnya kontraktor awal, kalau kita bandingkan kos projek pada tahun 2014 adalah lebih rendahlah dibandingkan dengan sekarang.

So, that's why bila kita *factor in*, memang ada kenaikan kos dan waktu tender dibuka kepada kontraktor penyiap kedua, *that's the lowest* harga yang ditawarkan dan kita pun telah mendapat kelulusan daripada MOF untuk melaksanakan projek ini melalui tender terbuka secara Pre-Q dan berdasarkan nilai kos projek RM41.95 juta.

Tuan Pengerusi: RM41.95 juta. *So*, ini kos projek baharulah.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Ya, baharu.

Tuan Pengerusi: RM41.95 juta ini termasuk dalam – sudah mengambil kira RM12.995 juta? *So*, jumlah yang dibayar untuk keseluruhan projek RM41.95 juta ataupun RM53 juta?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Disebut tadi tambahan RM7 juta...

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Tak termasuk. Tak termasuk. Sebab RM12.995 juta adalah kos yang telah dibayar kepada kontraktor yang...

Tuan Pengerusi: Okey, maksudnya sekiranya sekarang kontraktor penyiap ini mampu untuk menyiapkan projek, maka keseluruhan projek akan memakan kos RM41.95 juta tambah RM12.995 juta?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. So, bagi kontraktor asal itu, saya nak tanya *is there any legal action against the* kontraktor asal untuk mendapat kembali mana-mana bahagian wang yang telah pun dibayar? Itu nombor satu.

Nombor dua, sama ada kontraktor asal itu ada pada sebaliknya katakan mempunyai satu tuntutan terhadap KPM, katakan saya punya *progress* memang lebih daripada itu, tidak harus dibayar RM12 juta sahaja dan sebagainya. So, *is there any legal suit being threatened or something like that?*

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Tapi sebelum daripada itu, untuk makluman Tuan Pengerusi dan ahli mesyuarat, kontraktor ada hutang dengan kerajaan sebanyak RM2 juta lagi dan dalam proses untuk kita membuat tuntutan semula...

Tuan Pengerusi: So, pihak kementerian ada nak buat tuntutan semulalah? RM2 juta lebih?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Yes.

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Permatang Pauh? Silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak tanya lanjutan berkait tentang perunding yang dipilih dan dilantik. Perunding tersebut adalah macam syarikat luarlah maksudnya di setiap projek tertentu, satu.

Kedua, berapakah peratusan yang dibayar kepada perunding tersebut daripada keseluruhan bayaran untuk projek?

Contohnya di Wilayah Persekutuan, semasa jadi Ahli Parlimen, DBKL ada badan khas IKRAM yang akan memantau segala kerja-kerja teknikal yang berkait dengan projek-projek tertentulah.

Di sini boleh jelaskan sedikit, kalau ada ataupun tidak unit dalaman dan berapakah peratusan yang dibayar bagi maksud untuk menasihati dan memantau projek-projek tertentu daripada perunding luar ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk saya buat penambahan sedikit, untuk makluman Tuan Pengerusi serta ahli mesyuarat, *total cost* perunding untuk empat bidang – sebab kita ada empat bidang perunding iaitu mekanikal, CNS, arkitek dan juga QS, *total* adalah sebanyak 12 peratus daripada kos *total* projek.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Ini adalah macam *rough description, general principle* ataupun berbeza mengikut projek?

Tuan Noor Azman bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, biasanya kalau lain-lain projek pun, dia punya kos untuk pembayaran kepada konsultan itu, dia sekitar 10 sehingga 12 atau 13 peratus begitu, Yang Berhormat. Daripada nilai projek.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi saya boleh simpulkan, apa telah mereka lakukan untuk memastikan pada peringkat pertama itu, untuk memberi amaran, contohnya, nasihat kepada kementerian bahawa memang syarikat tersebut tidak mampu melakukan projek kerana selalunya perunding ini dia adalah *the first line of defense*.

Dia patut beritahu kita. Kalau dia dibayar 12 peratus, tapi tidak ada hasilnya pun bermasalah. Jadi saya rasa kena lihat dengan serius. Kerana sekurang-kurangnya dalam badan seperti – yalah mungkin lain nak banding dengan DBKL. Hanya bila ia dalaman, *it's your internal unit, right? Your internal expertise*. Tapi kalau kita lantik pihak luar, kita kena lihatlah adakah berbaloi, adakah hasilnya bermanfaat bergantung kepada imbuhan atau bayaran yang kita berikan.

Tuan Noor Azman bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Bila kita lantik mana-mana konsultan, tanggungjawab dia itu bermula daripada peringkat pra-bina, maknanya dari peringkat *design* sehinggalah projek siap dan projek siap itu pun selepas tempoh CMGD. T

Tempoh *certificate of making good defects* (CMGD), atau kerja-kerja pembaikan kecacatan. Maknanya sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Jadi sepanjang itu dia ada peringkat-peringkat dia. Masa peringkat pra-bina, peringkat *design*, apa tanggungjawab-tanggungjawab dia. Kemudian peringkat penyediaan tender, dokumen tender, apa tugas-tugas dia. Semua dia ada peringkat-peringkat dia Yang Berhormat. Pengiraan untuk bayaran dia pun kita tengok dia punya *stage-stage*, kerja-kerja yang dia telah laksanakan.

Bila dia selesai melaksanakan sekian peringkat, kita akan bayar setakat itu. Adalah dia punya jadual. *Schedule* dia ada, Yang Berhormat. Itu pun kita ikut yang JKR. Peraturan daripada JKR, Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Last point*, boleh beri nama syarikat yang dipilih sebagai perunding supaya kita kena nampak secara keseluruhanlah. Dia bukan soal Bumi Jelapang semata-mata tapi kita ada juga penasihat dia yang menasihatkan dalam projek tersebut.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Kita beri kemudian boleh tak Yang Berhormat? Kita akan beri sebab dalam fail kita.

Tuan Pengerusi: Okey, saya jemput Yang Berhormat Parit diikuti dengan Yang Berhormat Lumut.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita selalu dengar tentang projek sakit ataupun kontraktor yang bermasalah. Saya melihat bahawa susur galur sesuatu projek itu bermula daripada kementerian sampailah negeri, sampailah daerah. Termasuklah jawatankuasa-jawatankuasa tertentu. Konsultan, *engineer* ataupun sebagainya.

Target ataupun sasaran siap itu pun telah pun sedia ada. Jadi kalau kita lihat sepatutnya mana-mana jawatankuasa, kalau contohlah satu projek itu turun dari kementerian, di negeri juga tahu.

Contohnya Jawatankuasa Tindakan Negeri pun tahu projek-projek sakit yang sentiasa dipantau. Termasuklah mereka-mereka yang sentiasa berada di lapangan. Sepatutnya tahu apa masalah-masalah yang berlaku dan sepatutnya dilaporkan terlebih awal. Kalau ini, saya tengok sampai dua kali. Yang pertama.

Kemudian kita terpaksa bayar, kemudian mungkin terlebih bayar. Tuntutan-tuntutan dan sebagainya, lantik baru. Ini menimbulkan masalah. Jadi ini terlalu sering berlaku perkara-perkara yang seumpama ini.

Jadi, pandangan saya supaya kita berhati-hati khususnya menggunakan platform-platform tertentu dan kita mendengar pandangan-pandangan, termasuklah dari segi mereka yang berada di lapangan terus, sentiasa memantau. Mereka ada tugas macam konsultan kah, ataupun perunding yang sedia ada itu, dia tahu dah. Sepatutnya tiga bulan pertama siap ini. Enam bulan, apa siap. Baru *progress* untuk bayar dan sebagainya.

Akan tetapi kadang-kadang mungkin tidak ada ketelusan yang berlaku, maka berlakulah projek sakit, kontraktor lari dan sebagainya. Sedangkan kontraktor dia nak masuk awalnya itu, sudah pasti dia sukalah. Dia nak masuk dan sebagainya.

Akan tetapi bila dia dapat, diterima masalah dan akhirnya kerajaan, kementerian rugi termasuklah juga projek-projek yang sepatutnya dapat dilaksanakan, akhirnya tergendala dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih. Saya nak— sebelum saya bertanya, nak penjelasan semula peratus yang dibuat oleh syarikat asal itu, berapa *per cent* siap tadi?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Berapa?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: 49 peratus.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kemudian bila masuk syarikat yang ketiga tadi itu, dia buat baru ke atau?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Dia menyambung kerja-kerja yang sudah sedia ada di tapak tetapi walaupun 49 peratus siap tetapi bila kita lantik kontraktor penyiap yang kali kedua, ada kerja-kerja *rectification* iaitu pembaikan yang kena buat sebab struktur sudah tinggal lama, sudah rosak.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Okey.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Jadi maknanya walaupun ia 49 *percent* yang dilaporkan sebelum kita lantik kontraktor penyiap, bila kontraktor penyiap kedua masuk ke tapak, didapati bahawa kerja-kerja semasa yang betul-betul yang boleh diambil kira lebih kurang 44 peratus sahaja. Ada lima *percent rectification* yang dibuat oleh kontraktor sekarang.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Okey. Jadi kalau 44 peratus siap, takkanlah projek baharu yang dicaj oleh syarikat baharu ini sampai RM41.95 juta? Maksud saya, dengar asal tadi RM41.95 juta ini adalah keseluruhan kos pada hari ini betul? Akan tetapi kalau ikut Tuan Pengerusi tadi, ditambah RM12 juta jadi RM53 juta. Yang mana sebenarnya? Sebab kalau RM53 juta berbanding dengan RM34 juta harga asal, jauh sangat bezanya sampai RM17-RM18 juta...

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, memanglah kita nampak ada pertambahan kos. Akan tetapi kalau kita tengok harga tender yang mula-mula dibuka itu pada tahun 2013. Sekarang ini kita *talking about* 2021. *Even* sekarang ini kalau kita tengok ada kenaikan harga dari segi bahan besi, bahan binaan. Memang ada dan *in fact* kerajaan pun telah membenarkan VOP bagi projek-projek yang *ongoing* sekarang.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Agak-agaklah, agak-agak kalau kita *start* balik SSM dengan *plan construction* yang lama ini buat hari ini, berapa harga baharu agaknya. Lebih kurangnya. Katalah tak ada— dengan pelan pembangunan yang baharu pada hari ini 2021, agak-agak berapa harga? RM70 juta?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: *Roughly* untuk Sekolah Berasrama Penuh (SBP) ataupun sekolah-sekolah seperti yang— sukan yang ada kemudahan tambahan

berbanding dengan sekolah harian biasa, kadarnya lebih kurang RM55 juta ke RM70 juta untuk satu projek. *That is the range*-lah.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Sebesar SSM itulah ya?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: *Yes.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Cuma yalah kadang-kadang tender-tender dan juga *direct nego* ini, tuan punya projek rasa lagi murah lagi bagus. Akan tetapi banyak projek yang kita tengok kita beri kepada yang termurah, maka jangkaan gagal itu tinggi. Sebab dia tak boleh buat dengan harga yang murah itu. Dia hendakkan sahaja projek itu. Jadi saya rasa amalan biasa pun memang bukan yang termurah dipilih, bukan? Mengikut apa yang...

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Munasabah.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Yang munasabahlah.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Yang munasabah daripada segi modal dan sebagainya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi rasanya *quite straight forward problem* ini. Ini mesti *offer* yang terlalu murah...

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Akan tetapi kebanyakannya memang akan dalam *range* yang terendah. Katakan 10 syarikat yang mungkin kita akan pertimbangkan mungkin tiga atau empat syarikat yang terendah dari segi harga. *Of course* dari segi teknikal semua itu hendak kena betul. Kalau dikatakan yang ketujuh kita pilih pun *just because others* yang enam itu teknikal teruk. Akan tetapi biasanya kita akan tengok juga kepada harga. *Because* kita tak nak nanti macam inilah. Kita terpaksa *defend why* pada masa itu diambil harga yang sekian-sekian. *Because* dia ada pengiraan-pengiraan lain Yang Berhormat.

In fact bila kita tender, kita maknanya— bila dia buat *submission* harga, maknanya kita bersetuju dengan *submission* harganya pada masa itu. Kita nilai satu-satu itu kan— katalah macam Yang Berhormat tanya tadi berapakah nilai harga sekarang. Sebab kita memang akan buat dahulu anggaran harga. *That is why* kita ada harga siling tetapi semasa kita buat anggaran harga itu – katalah kita buat dua tahun lepas. Kita hendak buat tahun ini dan tiba-tiba jadi MCO ini. *So*, barang besi semua sudah jadi harga— ada yang *triple price*. *So*, ada juga syarikat yang tak sanggup buat dengan kos dahulu. Dia kata tak boleh, *surrender* dah. *So*, ada banyaklah kes-kes yang disebabkan oleh keadaan semasa yang terpaksa kita naikkan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada soalan lain? Jika tidak— Datuk ada lagi? Okey, sila teruskan.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Bagi syor terakhir iaitu keenam iaitu KPM hendaklah memastikan projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis ini disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, maka KPM telah melantik kontraktor penyiap kali kedua melalui proses saringan tender terbuka pra-kelayakan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan Kerja KPM. Tadi banyak kita sudah bercakap tentang proses tender terbuka pra-kelayakan.

Jadi kontraktor yang berjaya adalah kontraktor ZIKAY Construction Sdn. Bhd.. Tarikh SST adalah pada 22 Disember 2020. Tarikh untuk milik tapak adalah pada 5 Januari 2021, tarikh siap kerja 3 Januari 2023. EOT pertama kita beri 28 hari. EOT ini adalah *extension of time*— kita beri kepada syarikat kerana pada masa itu PKP 3 (*total lockdown*) sebanyak 28 hari. Jadi, tarikh siap semasa adalah pada 31 Januari 2023. Harga kontrak tadi juga sudah disebut iaitu RM41.95 juta. Tempoh kontrak selama 104 minggu dan ia adalah kategori G7 untuk gred kontraktor dan SCORE CIDB adalah pada kedudukan empat bintang. Jadi inilah syarikat yang sedang melaksanakannya sekarang.

Kedua, KPM telah melaksanakan pemantauan yang lebih kerap untuk projek ini. Semasa awal pelantikan kontraktor bermula daripada kontraktor dilantik sehingga bulan April 2021, sebanyak tujuh mesyuarat pemantauan permulaan projek telah dilaksanakan dengan kekerapan secara mingguan seperti Ahli Yang Berhormat semua dapat lihat di paparan. Antara *outcome* yang berjaya dicapai semasa mesyuarat tersebut ialah isu-isu berbangkit berkaitan komunikasi awal di antara kontraktor dan perunding yang dilantik yang melibatkan hal teknikal dan pengurusan projek. Kita telah dapat atasilah di peringkat mingguan. Mewujudkan jaringan kerjasama di antara KPM, JPN Perlis, pihak kontraktor dan juga perunding yang dilantik.

Selain itu dengan adanya mesyuarat mingguan semasa permulaan projek telah memberi pendedahan awal kepada kontraktor mengenai pematuhan kepada kontrak kerajaan yang berkuat kuasa serta memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh atau lebih awal dengan kualiti yang sempurna. Sentiasa mengingatkan kontraktor untuk memberikan komitmen yang terbaik. Akan tetapi kita juga mengambil kira keadaan-keadaan tertentu apabila PKP dan sebagainya.

Seterusnya, KPM juga akan memastikan pegawai penguasa iaitu pengurus projek atau wakilnya akan hadir ke lawatan tapak secara bulanan. Pelaksanaan lawatan ini akan disusuli dengan mesyuarat di tapak yang akan dipengerusikan oleh pegawai penguasa atau pengurusan tertinggi di Bahagian Pembangunan KPM sendiri. Untuk makluman Ahli Mesyuarat, sehingga kini sebanyak lapan mesyuarat tapak telah

diadakan. Kalau kita tengok itu *almost every month* kita ada lawatan tapak. Melalui pelaksanaan mesyuarat bulanan ini, pelbagai isu-isu teknikal dan pengurusan projek yang berbangkit semasa telah dapat diselesaikan dan diputuskan untuk tindakan segera. Antaranya *work program*, kerja-kerja rektifikasi seperti mana yang pegawai saya sebut tadi ataupun isu-isu berbangkit dari setiap disiplin perunding seperti sivil dan struktur, arkitek, mekanikal, elektrik dan ukur bahan. So, *all departments* itu akan bekerjasama dan kita akan monitor dan mengadakan mesyuarat penyelarasan jika ada isu-isu berbangkit. So, ia akan membantu mempercepatkan pelaksanaan projek dari sudut tadbir urus.

Next, yang ketiga adalah dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, KPM turut mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit terutamanya perkara-perkara yang melibatkan urusan dan pertimbangan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan utiliti. Ini contohnya macam utiliti seperti kebenaran TNB ataupun kebenaran daripada PBT. Kadang-kadang PBT ada *requirement* tertentu. Jadi, *we have to comply*. So, kalau ada isu dan kita akan cuba bincang dengan PBT sebab setiap PBT ini berbeza, ia tak sama seluruh Malaysia. Ada PBT yang lebih *lenient*, ada PBT yang tidak. So, bergantung di situ kita akan ada *engagement* dengan PBT supaya dapat menyiapkan projek ini dengan cepat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ini Perlis.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Majlis Perbandaran Kangar.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Majlis Perbandaran Kangar. Ini Perlis. Seterusnya, jawatankuasa pemantauan khas yang ditubuhkan telah mengadakan mesyuarat dan lawatan tapak bagi memantau kemajuan projek di samping memberikan khidmat nasihat yang dapat membantu memastikan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Namun disebabkan oleh kekangan pandemik yang saya sebut tadi, jawatankuasa ini masih meneruskan pemantauan melalui penelitian laporan kemajuan projek yang disediakan dan diedarkan untuk makluman Tuan Pengerusi dan ahli jawatankuasa semua. Untuk makluman ahli mesyuarat, sebagai perbandingan, kemajuan fizikal projek ini sehingga 31 Ogos 2021 adalah seperti yang berikut. Jadual adalah 11 peratus, manakala yang sebenarnya sekarang ini sembilan peratus *[Merujuk kepada slaid]*. Jadi, pihak kontraktor sekarang ini telah lewat dua peratus atau bersamaan 11 hari.

Walaupun terdapat kelewatan, namun ia adalah di luar kawalan kontraktor penyiap kerana ia berlaku di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, menyebabkan kontraktor menghadapi masalah, terutamanya masalah kontraktor tidak dapat beroperasi dalam tempoh PKP. Kontraktor mengalami kesukaran memperoleh bekalan bahan binaan dalam tempoh PKP, dan arahan penetapan kuota pekerja di tapak semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Berfasa juga menghalang kontraktor bekerja dengan tenaga kerja yang maksimum.

Ini keputusan-keputusan kerajaan yang dibuat. So, bila kontraktor kena akur, dia tidak boleh buat apa-apalah, dia tidak dapat melaksanakan...ataupun dia terpaksa melaksanakan dalam tahap yang minimum berbanding yang sepatutnya yang dia buat. Bagi mengatasi isu tersebut, KPM telah menyebut tindakan *intervention* meluluskan *Extension of Time (EOT) total lockdown* sebanyak 28 hari sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan dalam pertimbangan untuk memberikan EOT mobilisasi berdasarkan permohonan daripada kontraktor.

Tuan Pengerusi: Apa maksud EOT mobilisasi, Datuk?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Saya bagi contoh sedikit. Kadang-kadang dalam keadaan tertentu bila dia tutup, bila kerajaan suruh — okey, kenapa *you* berhenti kerja? So, *at that time* katalah *you are on peak, so you can go 100 percent* mulai hari ini, *and then suddenly* bila stop. Bila stop, terpaksa dia terpaksa keluarkan pekerja, ada pekerja yang dia tidak dapat balik *and all machineries* semua dia kena pulangkan *because* dia tidak buat kerja.

So, bila kerajaan kata *you have to start*, dia tidak boleh *start* tiba-tiba dalam keadaan semua itu sudah ada, *because* dia kena *recall everything*, kena cari pekerja baharu. So, kita ada *mobilization* itu kena...beri masa sedikit.

Tuan Pengerusi: So, EOT akan diberikan 28 hari, atau 28 hari tambah mobilisasi?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya, 28 hari itu yang kerajaan bagi dulu. Kerajaan tetapkan untuk semua dapat 28, *and then go case by case*.

Tuan Pengerusi: So, EOT mobilisasi ini juga akan ditambah? Berapa hari? So, bagaimana kita boleh tentukan? *Because to me*, kelulusan EOT PKP 28 hari ini memang *fair*-lah untuk semua pihak. Ia tidak boleh buat apa-apa pun. So, dan itu jelas dan nyata dinyatakan 28 hari.

So, sekarang kita hendak tengok EOT mobilisasi ini. Berapa jangka masa yang kita anggarkan dalam isu ini?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia bergantung kepada permohonan daripada kontraktor berdasarkan justifikasi serta bukti-bukti yang dikemukakan oleh kontraktor.

Tuan Pengerusi: So, sampai sekarang tidak ada apa-apa permohonan?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Masih di peringkat penyediaan permohonan daripada peringkat kontraktor.

Tuan Pengerusi: So, siapa yang akan buat keputusan untuk mempertimbangkan permohonan itu?

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, keputusan-keputusan EOT ini perlu di bawa ke Jawatankuasa EOT di peringkat kementerian dan akan dipengerusikan oleh *Superintendent Officer (SO)*. Jadi, keputusan itu akan dipengerusikan oleh jawatankuasa berkenaan.

Tuan Pengerusi: So, sedikit pesanan berkenaan...apabila Jawatankuasa EOT membuat keputusan mempertimbangkan permohonan ini, perlulah lebih berhati-hati, *in view of case* ini memang telah pun tertangguh lama, okey.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya, Yang Berhormat saya setuju. Memang kita berhati-hati, tetapi kita juga harus ambil pertimbangan dari sudut kontraktor. Contohnya, kita minta dia masuk tetapi kerajaan tidak benarkan, *because* kerajaan buka untuk *essential services*. Jadi, *supplier* untuk besi dan sebagainya, *you* tidak buka, tetapi *you* benarkan kontraktor masuk. *So, this kind of...*

Tuan Pengerusi: Ya, faham. So, justifikasinya kena pertimbangkan kesemua faktorlah. Itu kami faham. Okey, sila teruskan Datuk KSU. Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Hendak tanya Datuk KSU, dari segi ini, untuk projek-projek kerajaan contohnya, adakah MKN beri laluan atau pertimbangan khas, kerana macam adalah segmen-segmen yang berbeza, kalau sekolah tutup, *so you have no students*. Jadi, sepatutnya keadaan tersebut boleh diambil kira mengikut SOP yang difikirkan terbaik.

But was there any kind of correspondence, kerjasama daripada pihak MKN yang membolehkan projek-projek sakit contohnya, mendapat keutamaan?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Okey, ada tetapi dia tidak boleh — secara *case by case* pun ada, secara keseluruhan pun ada. Maknanya kalau keseluruhan ini saya maksudkan fasa. Apabila kita tukar fasa semua boleh *certain*. Akan tetapi, katakan PKPD dibuat di satu kawasan, dan kebetulan ada projek kita dalam itu. So, biasanya tidak dapat, macam mana *you* buat tidak akan dapat *because* dia tutup.

Seorang Ahli: Perlis?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Perlis sekarang sudah Fasa 3 tetapi projek ini sudah lama, masa Fasa 2 pun ia tidak boleh jalan. Itu satu. Kedua, kadang-kadang dia bagi boleh masuk tetapi bersyarat dengan kebenaran CIDB atau MITI. *So, what we do*, kita akan tolong syarikat-syarikat ini sebab kita hendak masuk syarikat kita. *We write to MITI or CIDB* untuk minta kebenaran. *Some okay, some* tidak okey. Tidak semua diluluskan tetapi bergantung kepada keadaan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Sila teruskan.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ini tidak ada. Saya ingat saya punya pembentangan sampai di situ. Cuma saya hendak tunjukkan lah gambar-gambar sikit, keadaan di tapak projek.

So, inilah keadaan sekarang. *[Merujuk kepada slaid]*. Ada juga bangunan-bangunan sebenarnya yang mempunyai bumbung terpaksa dibuka semula kerana bumbung bangunan telah rosak.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Spesifikasi di bawah JKR 'kan? *In terms of...because* kami pun kadang-kadang hendak minta projek pembangunan untuk rumah yang telah terbakar, isu harga besilah, *that's always a crucial point*, sudah naik tiga kali ganda. Jadi, dari segi ubah suai untuk *design* ini memang tidak boleh ambil kira alternatif?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Macam mana?

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Untuk ambil kira perubahan *design* dalam...di kala kos yang naik, semua itu tertakluk kepada bidang kuasa JKR. *They will decide, right?*

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: *In terms of design* memang kita dengan JKR, tetapi tidak ada perubahan ketara terhadap *design*, tidak ada. *So, it is the same design.*

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, dari segi spesifikasi kita akan ikut garis panduan spesifikasi yang dikeluarkan oleh pihak JKR. Cuma, dari segi *design* itu kita ikut keperluan di peringkat *end user* nanti. Memandangkan sekolah ini adalah sekolah sukan, jadi kita akan tengok keperluan-keperluan untuk kegunaan sekolah sukan. Di sini juga akan ada, kita panggil kemudahan-kemudahan sukan...

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Kolam renang.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Memanah dan sebagainya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maaf Tuan Pengerusi, adakah kita ambil kira input daripada KBS? *Do we take that into account at all, so boleh seragamkan, standardisation?*

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi serta ahli mesyuarat. Sebenarnya kita pun sudah ada libat urus dengan — sebab di KPM pun kita ada bahagian sukan. Bahagian sukan kita juga terlibat dengan perancangan untuk kemudahan-kemudahan sukan ini.

Jadi, daripada awal kita sudah libat urus dengan bahagian sukan KPM dan juga mendapat nasihat daripada badan-badan sukan yang tertentu dari segi hendak *verify* dari segi mutu dan kualiti sekiranya melibatkan kemudahan-kemudahan sukan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Masih dalamanlah? Maksudnya tidak seragam dengan KBS atau majlis penasihat tersebut akan menyeragamkan semuanya?

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Ini kemudahan sekolah, dari segi kemudahan sekolah sukan ini, kita tidak boleh anggap sebagai satu kemudahan untuk kita bina kompleks sukan. Jadi bila ada kemudahan sukan...itu sebab kita ada bahagian sukan—tetapi walau bagaimanapun, memang ada sesi libat urus dengan Kementerian Belia dan Sukan dari segi perancangan, peralatan dan kemudahan serta kualiti dan spesifikasi.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Kalau boleh saya tambah sedikit, Yang Berhormat. Ia di peringkat dasar dulu, maknanya apabila kita hendak buat sekolah sukan, kita buat dulu di peringkat dasarnya. Contohnya, sekolah sukan ini, apa bentuk fokus sekolah sukan, fokusnya ke mana? Kalau katakan hendak renang, badminton, ini fokus. *Then*, kita akan menjurus ke arah itu. Barulah kita akan bincang secara *detail*, setelah diputuskan untuk sekolah ini mempunyai peralatan-peralatan dalam bidang-bidang tertentu, barulah diputuskan dan bincang dengan pihak JKR, dan kita akan lantik konsultan untuk *design the scope* dan sebagainya. Dia ada proses itu, dia bukan kata — macam pegawai saya sebut tadi, *it is not a* kompleks sukan. Jadi dia ada sekolah, so kita kena sekaligus sekolah dan juga keperluan tadi. Sebab dia berbeza, ada juga yang fokus kepada bidang-bidang tertentu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi Datuk, Sekolah Sukan Malaysia Perlis ini fokusnya apa? Kalau kita tengok *layout* itu macam tidak besar sangat sekolah ini, ya. Jadi tidak sama macam Sekolah Sukan Bukit Jalil ataupun yang di Johor. Sana lain, ya. Kecil. Apa sukan fokus di sini?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Pertama kalau saya boleh jawab, ia adalah berkaitan untuk mengumpulkan kepada pelajar-pelajar yang berpotensi sukan

dalam bidang olahraga dan juga sukan-sukan lain. Akan tetapi fokus sebenar, saya hendak minta pegawai— Dalam kontak ni—

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Okey dalam kontak ini sebab ini fasa pertama, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi serta Datuk KSU. Dalam kontak ini, pengkhususan bagi Sekolah Sukan Malaysia Perlis untuk fasa pertama ini, dia merangkumi kemudahan olahraga, kemudian ada memanah serta gelanggang, dewan tertutup untuk badminton.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Badminton.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Serta yang tadi saya maklumkan, mini stadium untuk olahraga.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Patutnya Perlis ini...

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Ini untuk fasa satu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Patutnya Perlis ini kena tambah *muay thai* itu.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Saya orang Perlis, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ini kampung saya ini. *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Seingat sayalah, dahulu kita pernah sebut untuk kita membuat lawatan ke tapak ini. PAC sendiri membuat lawatan. Jadi saya tidak pasti itu masih relevan ataupun tidak.

Tuan Pengerusi: *Actually* sebelum ini kita hendak buat lawatan tahun 2019 kalau tidak silap, tetapi tidak jadi pergilah.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Bolehlah. Kalau setuju kita boleh— pihak kementerian boleh aturkan. Boleh.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: Kalau siap ikut jadual ini, maknanya sesi tawaran 2024-lah, Datuk.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Boleh, boleh. Okey, Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya sila teruskan, Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: *Just the last part.* Ini *moving forward*-lah. KPM sangat komited untuk memastikan projek ini disiapkan pada masa yang ditetapkan atau lebih awal. Sehubungan itu, antara inisiatif yang akan terus dimantapkan ialah, tadi sudah sebut, mengadakan *networking* dan libat urus secara berterusan dengan pihak

berkuasa tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri Perlis, dan juga melibatkan kehadiran pegawai PBT-lah dan syarikat utiliti di setiap mesyuarat kita.

Kedua, KPM akan komited meneruskan pemantauan rapi menerusi mesyuarat-mesyuarat yang saya sebut tadi. Ketiga, berikutan kekangan yang dihadapi oleh kontraktor dalam menangani situasi semasa dan selepas pandemik COVID-19, KPM akan sentiasa membantulah menjadi penghubung antara pihak berkuasa seperti CIDB, JKR dan MITI. So surat-surat kelulusan dan sebagainya, kalau dia perlukan bantuan kita, kita akan bantulah syarikat ini. Itu juga peringatan berterusan kepada kontraktor untuk mematuhi SOP sepanjang pandemik ini bagi mengelakkan kesalahan yang bakal menyebabkan tapak perlu ditutup sementara. KPM juga mengikuti rapat status pematuhan SOP melalui laporan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor secara berkala.

Seterusnya, komunikasi secara berterusan akan dikekalkan, sebagaimana kita sudah buat sekarang ini, terutamanya dalam menyampaikan mengenai perubahan-perubahan dasar oleh kerajaanlah jika berkaitan dalam sektor pembinaan bagi membolehkan kontraktor sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan. KPM juga bersedia untuk memberikan kerjasamalah kepada Jabatan Audit Negara dalam meneruskan audit projek dan mengalu-alukanlah sebarang cadangan penambahbaikan yang boleh membantu memastikan kelancaran pembangunan projeklah.

Cuma yang kita sangat risau juga kadang-kadang sebab kita takut kalau pekerja-pekerja di tapak ini positif. Kalau positif COVID-19, maknanya terpaksa ditutup, *at least for 14 days*. Itu sudah *confirm*. *Then*, seterusnya lah kita harap tidak berlakulah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *They have to be fully vaccinated before project can resume?*

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya betul, betul. Sekarang semua mesti dua— mesti— itu yang kami kadang-kadang ada isu juga. Bila kita minta dia mesti pekerja dia *double dose* kan? *Fully vaccinated*, so sesetengah kontraktor tidak dapat. Pekerja dia masih tunggu lagi *queue* ataupun masih belum dapat vaksin dan sebagainya. *So that*, cabaran-cabaranlah. *What to do?* Kita terpaksa lah. *That's* antara isu-isulah. Dia nampak remeh tetapi kadang-kadang ada *effect*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Buat Antigen Rapid Test Kit (Ag RTK)-lah dua kali seminggu macam di Parlimen. *[Ketawa]*

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Sahaja hendak tanya kerana saya ingat dalam laporan LKAN itu, ada bangkit isu tangga. Tangga yang *design*— tidak tahu *design* ataupun dalam proses pembinaan itu, ada masalah. Tangga itu sudah dibetulkan, ya? *Design* itu. [Ketawa]

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Untuk makluman Yang Berhormat Kluang, sebenarnya ada gambar tetapi kita tidak masuklah, telah dibaiki, telah dibuat mengikut *spec* balik.

[Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Asrama dalam—

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Nantilah saya hendak cadangkanlah Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin kita boleh melawatlah sekolah ini sebab sudah lama masuk PAC ini, elok kena pergi tengok. [Ketawa]

Puan Wong Shu Qi: Projek lapan tahun, masuk PAC pun tiga tahun sudah.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Tahun 2019 sampai sekarang. Okey, Datuk sudah siap?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya, untuk...

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Datuk. Bagi Ahli-ahli PAC, ada apa-apa penjelasan lanjut yang perlu dalam isu ini? *So finally*, kita nampak ada *progress* dan perkembangan dalam projek ini dan sekiranya tidak ada soalan-soalan lain daripada ahli-ahli sekalian, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahmat: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada satu, bukan soalan—

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahmat: Tadi permintaan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh berkaitan dengan senarai *consultant*, perlu diberikan sekarang ataupun kita serahkan kepada urus setia kemudian? Boleh beri sekarang? Nanti kita beri kepada sekretariatlah.

Tuan Pengerusi: Boleh serah kepada sekretariat. Terima kasih. Okey, so bagi pihak PAC saya ucapkan terima kasih. Belum?

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Fasal *consultant*, selalunya *consultant* ini dia tidak boleh— sebaiknya ada *parameter*-lah, janganlah melebihi 10 peratus daripada projek. Lebih-lebih lagi projek sekolah, kan? Projek macam yang sangat penting bagi infrastruktur anak-anak jadi kalau *12 percent*—

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Beri 20 peratus.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *I think— Sorry?*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Beri 20 peratus.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Ketawa]* No, no. Tidak boleh lebih, I feel. Ini kerana akhirnya macam pada saya *it's a waste of money*-lah, *but anyway* patut ada *parameter* kalau boleh ambil kira *at least nothing beyond 10 percent*.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Permatang Pauh, kita ikut apa yang telah digariskan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak JKR-lah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: JKR dia beri...

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: JKR dan MOF juga. *[Ketawa]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: JKR dia beri berapa, ya? *Is there a limit*, MOF?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Ada tulis di 3.1 itu Yang Berhormat Permatang Pauh, memang kita telah nyatakan dari segi pelantikan perundingnya, dari segi kos-kos yang terlibat, kita sudah beri *guideline* di situ.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: Kita tidak beri *percent*, kita beri dari segi kadar dia sahaja. Ya.

Tuan Mohamed bin Abdul Rahman: Ini sebab daripada awal tadi memang seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha tadi, kita punya *consultant* dia mula daripada peringkat pra lagi. Pra, peringkat pelaksanaan dan juga peringkat pasca. *That's why* dia punya *variation* itu agak *comprehensive*-lah. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Di luar daripada tajuk kitalah. Ini hanya ingin bertanya.

Tuan Pengerusi: Bolehlah. Ada masa lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Berkenaan dengan sekolah sukan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *[Tidak jelas]*

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Di tempat saya ada sekolah sukan tetapi fasiliti-fasiliti dia tidak...

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Memuaskan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: ...Tidak memuaskan, jadi macam mana cara kita untuk membuat permohonan supaya dewannya ada, apanya ada?

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Boleh, saya boleh.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Di Papar, di Papar.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Oh, Sekolah Sukan Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Sekolah kerajaan.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Sekolah Sukan Papar. Boleh sahaja kemukakan permohonan. Biasanya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan buat *submission* kepada kementerian tetapi kalau Yang Berhormat rasa ada keperluan, Yang Berhormat boleh sahaja menulis kepada KSU ataupun Yang Berhormat Menteri. Nanti kita tengok dan ambil tindakan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Sekolah itu memang dikatakan sekolah sukan.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Ya boleh, boleh.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Itulah dia.

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman: Bawah penyelenggaraan Datuk, nanti kita semak apa keperluan-keperluan penyelenggaraan.

Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof: Boleh.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada apa-apa lagi dari ahli-ahli sekalian? Okey, jika tidak ada saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof dan juga Datin Rashidah binti Mohd Sies serta *team* yang hadir pada pagi ini. Saya juga ingin hendak mengucapkan terima dan penghargaan kerana Datuk dan *team* sudi hadir sejam lebih awal daripada yang dijadualkan. Ini adalah supaya saya hendak habiskan prosiding pada pagi ini supaya pukul 12.00 nanti, rakan-rakan PAC boleh masuk ke dalam Dewan untuk menyertai sesi penggulungan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

So, isu COVID-19 isu penting. Saya nak beri peluang kepada semua supaya sempat masuk untuk menyertai sesi penggulungan itu. So sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli PAC sekalian, *ex officio* yang hadir sepanjang minggu ini. So, minggu ini kita sudah ada empat hari sesi prosiding kita dan minggu depan juga. *I think* kita juga ada tiga atau empat hari— *I think* empat hari. Saya kena semak jadual. Nanti Encik Johan akan masukkan jadual kita sekali lagi ke dalam *box* kita.

So sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Datuk KSU dan juga *team* yang hadir. Sekian.

[Mesyuarat ditangguhkan pada 11.50 pagi]

